# BUKU DASAR
# INSTITUSI PENDIDIKAN SWASTA

# DASAR PENYERTAAN SEKTOR SWASTA DALAM PENDIDIKAN

## Pengenalan

Dalam bajet negara setiap tahun, peruntukan yang besar telah dikhaskan kepada sektor pendidikan. Walau bagaimanapun, untuk memajukan sektor pendidikan seharusnya tidak ditanggung oleh pihak Kerajaan sahaja. Pihak swasta juga memainkan peranan penting untuk memajukan pendidikan negara dengan menyediakan kemudahan pendidikan di semua peringkat persekolahan.

## Pernyataan Dasar

1. Meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan pendidikan negara bagi menyediakan peluang pendidikan dan latihan di peringkat rendah dan menengah terutama yang berasaskan sains dan teknologi.

2. Memastikan pendidikan prasekolah, rendah dan menengah yang dianjurkan oleh sektor swasta selaras dengan aspirasi negara.

## Strategi Pelaksanaan

1. Menggalakkan penubuhan institusi pendidikan swasta (IPS) di peringkat prasekolah, rendah dan menengah.

2. Menggalakkan sektor swasta memberikan sumbangan secara terus kepada institusi pendidikan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

3. Mengawal selia IPS bagi menjamin kualiti serta menepati Kurikulum Kebangsaan.

4. Mengukuhkan aspek pengawasan dan penilaian di semua peringkat persekolahan supaya dapat berjalan dengan lebih berkesan.

5. Meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam program pendidikan melalui penajaan dan pembiayaan.

6. Memastikan tadika mematuhi Kurikulum Prasekolah Kebangsaan dan mengambil murid dalam lingkungan usia 4 – 6 tahun.

7. Pendidikan rendah dan menengah dikehendaki mematuhi Kurikulum Kebangsaan dan menyediakan murid bagi peperiksaan yang ditetapkan.

8. Mempromosi pendidikan swasta di peringkat antarabangsa untuk menarik lebih ramai pelajar asing memilih Malaysia sebagai destinasi pilihan mendapatkan pendidikan.

## SEKOLAH MENENGAH DAN RENDAH SWASTA (AKADEMIK DAN AGAMA ISLAM)

### TAFSIRAN SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH SWASTA (AKADEMIK DAN AGAMA ISLAM):

Sesuatu institusi pendidikan yang menawarkan program pendidikan peringkat rendah sebagai pendidikan wajib untuk murid-murid berusia antara 6 – 12 tahun dan program pendidikan peringkat menengah untuk murid-murid berusia antara 13 – 19 tahun dengan menggunakan Kurikulum Kebangsaan.

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Penubuhan Sekolah Rendah / Menengah | a) Penubuhan sekolah rendah / menengah hendaklah selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan dasar persyarikatan Malaysia, serta mematuhi keperluan guna tenaga negara.<br><br>b) Penubuhan sekolah rendah / menengah hendaklah selaras dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. | Setiap permohonan untuk menubuhkan sekolah disertakan dengan satu kertas kerja yang lengkap berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. | Seksyen 73, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 2/95: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Swasta Kurikulum Kebangsaan (26.04.1995).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 9/1995: Pengurusan Penubuhan Institusi Pendidikan Swasta (IPS) – 26.4.1995. |
| 2. | Pendaftaran Sekolah Rendah / Menengah | a) Pendaftaran sekolah hendaklah selaras dengan Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.<br><br>b) Perakuan Pendaftaran hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis institusi itu. | • Setiap permohonan pendaftaran sekolah Rendah / menengah hendaklah dibuat dalam Borang A Jadual Pertama disertai fee yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997.<br><br>• Fee permohonan pendaftaran RM 300.<br><br>• Fee permohonan membaharui Perakuan Pendaftaran RM 100. | Seksyen 79(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 82(2), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 - P.U.(A) 534/97.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 10/1995: Memperhabarui Sijil |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | c) Sebarang pindaan kepada syarat-syarat berkaitan pendaftaran hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pendaftar.<br><br>d) Perakuan Pendaftaran tidak boleh dipindah milik. | • Perakuan Pendaftaran sah untuk tempoh 5 tahun.<br><br>• Permohonan memperbaharui Perakuan Pendaftaran hendaklah dibuat 30 hari sebelum tamat tempoh sah lakunya. | Pendaftaran Sekolah / Institusi (26.4.1995).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG Bil. 14/1995: Menaikkan Bendera Asing Di Hadapan Bangunan Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (27.9.1995). |
| 3. | Nama Institusi | Nama institusi yang dicadangkan sesuai serta mengutamakan Bahasa Melayu, mempunyai unsur-unsur pendidikan dan bercirikan Malaysia. | Nama orang kenamaan tempatan yang telah meninggal dunia boleh digunakan dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada warisnya. Lain-lain nama yang tidak boleh digunakan termasuklah yang berikut:<br>• nama orang kenamaan yang masih hidup,<br>• nama tempat,<br>• nama jalan,<br>• nama singkatan,<br>• nama yang tidak mempunyai makna.<br>• Nama institusi- institusi pendidikan yang terkenal sama ada di dalam atau luar negeri.<br>• Nama yang menggunakan "yayasan / politeknik". | Seksyen 84(c), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran 13/1995: Penamaan Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (26.04.1995).<br><br>Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta , Tahun 1994. |
| 4. | Bahasa Pengantar | Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua sekolah rendah / menengah. | • Penggunaan bahasa pengantar selain bahasa kebangsaan boleh dipertimbangkan, dengan kelulusan Menteri.<br><br>• Jika bahasa pengantar selain bahasa kebangsaan diluluskan, bahasa kebangsaan hendaklah diajar sebagai mata pelajaran wajib. | Seksyen 17(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 5. | Kurikulum | a) Kurikulum yang diguna hendaklah Kurikulum Kebangsaan.<br><br>b) Pelajar Islam wajib mengambil penilaian PAFA dalam UPSR, PMR dan SPM.<br><br>c) Pelajar bukan Islam diwajibkan mengambil Pendidikan Moral. | a) Mata pelajaran teras dalam Kurikulum Kebangsaan:<br>• Senarai mata pelajaran peringkat rendah mengikut Jadual 1, 2, dan 3 di bawah Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997.<br>• Senarai mata pelajaran peringkat menengah mengikut Jadual 4,5,6,7,8 dan 9 di bawah Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997.<br><br>b) Pendidikan Islam hendaklah diajar jika di institusi pendidikan mempunyai sekurang-kurangnya 5 orang pelajar beragama Islam, dan diajar sekurang-kurangnya 2 jam seminggu. | Seksyen 18(2), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 50(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 – P.U.(A) 531/97.<br><br>Pekeliling Pentadbiran BPSG 1/1995: Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) Di Sekolah Swasta (10.4.1995). |
| 6. | Peruntukan masa mata pelajaran KBSR dan KBSM | Sekolah rendah / menengah hendaklah menggunakan jumlah masa pengajaran seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 11 – 15 di bawah P.U.(A) 531/97. | Jadual 11 – 15 di bawah P.U.(A) 531/97:<br><br><u>Contoh</u>:<br>Sekolah rendah (Bahasa Melayu):<br>Tahap 1: 1350 minit seminggu.<br>Tahap 2: 1440 minit seminggu.<br><br>Sekolah menengah rendah (Bahasa Melayu): 40 minit x 6 waktu seminggu.<br><br>Sekolah menengah atas (Bahasa Melayu): 40 minit x 6 waktu seminggu. | Seksyen 18(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 – P.U.(A) 531/97. |
| 7. | Peperiksaan | Setiap sekolah rendah / menengah hendaklah menyediakan murid- | a) Persetujuan Menteri diperlukan untuk:<br>• Masa dan tempat | Seksyen 19, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | murid untuk peperiksaan UPSR, PMR dan SPM. | • Fee yang dikenakan<br>• Sukatan pelajaran<br>• Bahasa pengantar bagi peperiksaan<br><br>b) Merekodkan pencapaian murid-murid. | Seksyen 68, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 – P.U.(A) 109/98. |
| 8. | Pengurusan | | | |
| | (a) Sesi belajar | Sistem penggal dan cuti sekolah tertakluk kepada sistem yang dilaksanakan ke atas sekolah-sekolah kerajaan. | Bilangan hari persekolahan hendaklah sekurang-kurangnya 190 hari dalam tahun kalendar. | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 – P.U.(A) 197/98.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran JPS Bil.3/1997: Waktu Persekolahan Dalam Bulan Puasa Di Institusi Pendidikan Swasta (28.11.1997). |
| | (b) Pengurusan murid | • Sekolah disarankan mempunyai 'student hand book'.<br><br>• Setiap sekolah perlu mempunyai tatacara disiplin murid. | Dokumen berkenaan boleh menjadi bahan rujukan kepada ibu bapa dan penjaga. | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Disiplin Murid) 1998 – P.U.(A) 167/98. |
| | (c) Surat Cara pengelolaan | Tiap-tiap institusi hendaklah mempunyai surat cara pengelolaan yang dipersetujui oleh Ketua Pendaftar. | • Menubuhkan suatu Lembaga Pengelola bagi pengurusan IPS sebelum dibenarkan berdaftar dan beroperasi.<br><br>• Ahli Lembaga Pengelola hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya lima (5) orang termasuk pengerusi dan hendaklah didaftarkan. | Seksyen 53, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 88(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| | (d) Rekod Pendaftaran Murid | Setiap sekolah rendah / menengah perlu mempunyai rekod pendaftaran murid. | • Buku pendaftaran murid perlu dikemas kini supaya boleh dibuat semakan dan cabutan. | Seksyen 98, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| | (e) Aktiviti luar murid | Setiap sekolah rendah / menengah adalah bertanggungjawab terhadap keselamatan murid untuk aktiviti | Program luar sekolah rendah / menengah seperti lawatan sambil belajar mesti dimaklumkan kepada | |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
| --- | --- | --- | --- | --- |
| | | luar sekolah rendah / menengah dan perlu mematuhi peraturan-peraturan sedia ada. | Pendaftar Sekolah dan Guru di JPN masing-masing, serta mematuhi aspek keselamatan termasuk perlindungan insurans. | |
| | (f) Buku Rekod Guru | Buku rekod guru hendaklah disenggara dengan baik. | • Buku rekod guru sentiasa dikemas kini supaya boleh dibuat semakan.<br>• Buku rekod guru hendaklah disenggara dengan baik oleh sekolah. | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 – P.U.(A) 531/97.<br><br>Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru Bil. 1/2006: Kewajipan Guru-Giri Di Sekolah Swasta Untuk Menyediakan Buku Rekod Guru (14.4.2006). |
| | (g) Keselamatan, kesihatan dan kebersihan | Setiap sekolah rendah / menengah mesti mengutamakan keselamatan, kesihatan dan kebersihan murid. | Setiap sekolah rendah / menengah hendaklah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh 3 agensi:<br>• Pihak Berkuasa Tempatan<br>• Bomba dan Penyelamat<br>• Pejabat Kesihatan | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Piawaian) 1998 - P.U.(A) 219/98.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran 1/1998: Penjagaan Kebersihan dan Kesihatan Sekolah Swasta dan Tadika Swasta (3.4.1998). |
| | (h) Perekrutan Pelajar Antarabangsa | Institusi yang ingin merekrut pelajar antarabangsa mestilah mendapat syor Kementerian Pelajaran dan kelulusan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN). | Permohonan perekrutan pelajar antarabangsa mestilah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran dan KHEDN. | Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002). |
| 9. | Persatuan Ibu, Bapa dan Guru (PIBG) | Setiap sekolah adalah digalakkan untuk menubuhkan PIBG dan berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan. | Garis panduan penubuhan PIBG adalah seperti sekolah kerajaan yang mengambil kira aspek:<br>• Perlembagaan<br>• Keahlian<br>• Pendaftar Pertubuhan (ROS) | |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 10. | Lokasi | a) Lokasi institusi hendaklah sesuai dengan iklim pengajaran pembelajaran, keselamatan, kesihatan dan lain-lain<br><br>b) Pemindahan lokasi hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan yang bertulis daripada Ketua Pendaftar. | Lokasi yang sesuai adalah seperti berikut:<br><br>• Tiada gangguan atau ancaman bahan kimia atau kotoran sampah.<br><br>• Tidak berdekatan dengan pusat hiburan, perjudian, rekreasi atau pasar.<br><br>• Tidak berdekatan dengan tempat yang mudah terbakar, bengkel yang bising, sungai atau bangunan lama.<br><br>• Tidak terlalu dekat dengan institusi lain yang mengendalikan kursus yang serupa. | Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta, Tahun 1994. |
| 11. | Kerjasama pihak pengurusan syarikat dengan pihak pengurusan institusi. | Pihak pengurusan syarikat mesti bekerjasama dengan pengurusan institusi. | Pengurusan kewangan untuk tujuan belanja mengurus seperti;<br>- Gaji guru / kakitangan<br>- Peralatan<br>- Bahan P&P<br>- Kokurikulum | |
| 12. | Premis | a) Premis yang digunakan bagi sekolah rendah / menengah hendaklah sesuai dan selamat serta boleh didaftarkan sebagai sebuah sekolah rendah / menengah.<br><br>b) Sebarang penambahan/ perpindahan premis/penubuhan cawangan hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar.<br><br>c) Setiap peringkat persekolahan | • Sekolah rendah / menengah mesti beroperasi di premis yang berasingan walaupun dalam kawasan yang sama.<br><br>• Piawaian yang telah ditetapkan bagi premis adalah:<br>▪ Penyenggaraan<br>▪ Pencahayaan, pengudaraan dan ruang premis<br>▪ Bilik darjah<br>▪ Kemudahan asas<br>▪ premis<br>▪ Pengubahsuaian premis<br>▪ Keselamatan dan kesihatan<br>▪ Kegunaan premis<br>▪ Pengubahsuaian | Subseksyen 83(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Piawaian) 1998 - P.U.(A) 219/98.<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 - P.U.(A) 534/97.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 2/95: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Swasta |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | hendaklah mempunyai premis yang berlainan. | premis | Kurikulum Kebangsaan (26.4.1995). |
| 13. | Yuran Pengajian dan Bayaran Lain | a) Kadar yuran pengajian dan bayaran lain hendaklah berpatutan dan diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>b) Sebarang kenaikan yuran dan bayaran lain hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar terlebih dahulu. | • Kenaikan yuran pengajian dan bayaran lain boleh dipertimbangkan selepas 3 tahun.<br><br>• Notis 3 bulan hendaklah dimaklumkan kepada ibu bapa.<br><br>• Kadar kenaikan yuran pengajian dan bayaran lain tidak lebih dari 30%.<br><br>• Yuran pengajian dan bayaran lain yang baru boleh dikuatkuasakan pada tahun berikutnya.<br><br>• Senarai yuran dan bayaran lain yang diluluskan hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di tadika itu dan hendaklah juga dimasukkan di dalam prospektus sekolah. | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 – P.U.(A) 534/97.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 2/95: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Swasta Kurikulum Kebangsaan (26.4.1995). |
| 14. | Hak milik | a) Pemilikan perniagaan pendidikan hendaklah dimiliki oleh syarikat yang pemiliknya warganegara Malaysia atau syarikat usaha sama rakyat Malaysia dengan asing.<br><br>b) Syarikat hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Pendaftaran Syarikat (ROC).<br><br>c) Bagi syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Malaysia, ia | • Pemilikan institusi pendidikan sama ada dimiliki oleh warganegara Malaysia atau dimiliki secara usaha sama warganegara Malaysia dan asing.<br><br>• Jika institusi itu ditubuhkan di bawah nama syarikat (ROC), ia hendaklah mempunyai ekuiti minimum Bumiputera sekurang-kurangnya 30%.<br><br>• Sebarang pindaan struktur ekuiti/ perubahan pemegang saham/ pindah hak milik mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua | Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 2/95: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Swasta Kurikulum Kebangsaan (26.04.1995). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | dikehendaki mendaftar sebuah anak syarikat sebagai sebuah Syarikat Sendirian Berhad dan syarikat yang disenaraikan tersebut dibenarkan memiliki saham sehingga 70% ekuiti dalam anak syarikat itu, dan mengekalkan pemilikan ekuiti bumiputera sekurang-kurangnya 30%.<br><br>d) Sekolah rendah / menengah boleh dimiliki oleh pertubuhan / persatuan yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis. | Pendaftar.<br><br>• Aktiviti-aktiviti syarikat berkaitan pendidikan mesti jelas dinyatakan di dalam *Memorandum and Article*s (M&A).<br><br>• Bagi persatuan / pertubuhan yang hendak menjalankan aktiviti pendidikan, maka perlembagaan persatuan / pertubuhan berkenaan hendaklah menyatakannya dengan jelas seperti yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS). | |
| 15. | Modal | a) Modal yang dibenarkan dan modal berbayar syarikat yang dimiliki sesebuah institusi hendaklah menggambarkan keupayaan yang mencukupi bagi menubuhkan sesebuah institusi.<br><br>b) Maklumat berkaitan pemegang saham syarikat hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen yang berkaitan. | • Modal berbayar yang dimiliki sesesebuah syarikat yang memiliki institusi hendaklah sekurang-kurangnya RM 100,000.00.<br><br>• Modal dalam bentuk saham tidak boleh diterima sebagai bukti keupayaan kewangan. | Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta, Tahun 1994. |
| 16. | Lembaga Pengelola | a) Ahli Lembaga Pengelola mesti warganegara Malaysia.<br><br>b) Ahli Lembaga Pengelola mestilah bebas daripada tindakan mahkamah. | • Pengurusan institusi mestilah berdasarkan suratcara pengelolaannya.<br><br>• Sebarang perubahan pada Ahli Lembaga Pengelola mesti mendapat kebenaran daripada Ketua | Seksyen 53(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 88(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | c) Ahli-ahli Lembaga Pengelola hendaklah berdaftar dengan Ketua Pendaftar dan membayar fee yang dikenakan.<br><br>d) Bilangan minimum Ahli Lembaga Pengelola Sekolah adalah lima (5) orang. | Pendaftar.<br><br>• Fee:<br>Permohonan: RM 5<br>Permit Pengelola: RM 2 (sah laku permit selama setahun) | (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 – P.U.(A) 534/97.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 2/95: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Swasta Kurikulum Kebangsaan (26.04.1995). |
| 17. | Guru Besar sekolah rendah dan Pengetua sekolah menengah | a) Guru Besar sekolah rendah dan Pengetua sekolah menengah mesti warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan dan pengalaman bersesuaian dalam bidang pendidikan.<br><br>b) Guru Besar / Pengetua yang dilantik hendaklah diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>c) Guru Besar / Pengetua mesti mempunyai Perakuan Pendaftaran atau Permit Mengajar. | • Kelayakan minimum Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau lain-lain kelayakan yang setaraf dengannya.<br><br>• Sebarang pertukaran guru besar / pengetua mesti mendapat kebenaran daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Semua Guru Besar / Pengetua yang dilantik hendaklah bebas dari sebarang tindakan mahkamah dan lulus tapisan keselamatan Polis Diraja Malaysia.<br><br>• Guru Besar / Pengetua yang dilantik hendaklah berusia tidak melebihi 66 tahun. | Seksyen 103, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 4/2002: Dasar Pengambilan / Penempatan Pakar / Pegawai / Guru-Guru Bukan Warganegara Di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta / Institusi Pendidikan Swasta (18.2.2002).<br><br>Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002). |
| 18. | Guru | a) Guru-guru mestilah warganegara Malaysia yang berdaftar dan berkelayakan sekurang-kurangnya di peringkat SPM atau yang setaraf dengannya, serta mempunyai kelayakan profesional.<br><br>b) Guru hendaklah berdaftar dan membayar fee yang | • Guru-guru berdaftar dibenarkan berkhidmat pada umur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun. Selepas usia 60 tahun boleh dilantik secara kontrak tahunan jika perlu.<br><br>• Fee:<br>Permohonan: RM 5<br>Permit Mengajar: RM 2 (sah laku permit selama setahun). | Seksyen 103, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 114 Akta, Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 4/1995: Permohonan Perakuan Pendaftaran Guru (PPG) – 26.4.1995.<br><br>Surat Pekeliling |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | dikenakan.<br><br>c) Permit Mengajar hanya sah untuk institusi yang dipohon sahaja.<br><br>d) Sekolah swasta mesti mempunyai guru Pendidikan Islam bertauliah untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam dan komponen PAFA.<br><br>e) Guru mesti mendapat perakuan kesihatan daripada doktor perubatan yang bertauliah.<br><br>f) Guru mesti lulus tapisan keselamatan Polis. | • Kelulusan Permit Mengajar oleh Ketua Pendaftar tertakluk kepada tahap kesihatan dan perkara-perkara lain yang difikirkan sesuai.<br><br>• Guru Pendidikan Islam hendaklah mempunyai Perakuan Pendaftaran atau Permit Mengajar.<br><br>• Perakuan kesihatan adalah untuk memastikan guru sihat dari segi mental dan fizikal.<br><br>• Tapisan keselamatan polis adalah untuk memastikan guru bebas daripada rekod jenayah. | Pentadbiran BPSG 5/1995: Permohonan Permit Mengajar Bagi Guru-Guru Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (IPS) – 26.4.1995.<br><br>Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 4/2002: Dasar Pengambilan / Penempatan Pakar / Pegawai / Guru-Guru Bukan Warganegara Di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta / Institusi Pendidikan Swasta (18.2.2002). |
| 19. | Kemudahan Peralatan (termasuk bilik darjah dan bilik khas) | a) Kemudahan dan peralatan yang disediakan hendaklah bersesuaian sebagai sekolah rendah / menengah seperti yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>b) Kemudahan surau hendaklah disediakan untuk kegunaan murid-murid beragama Islam.<br><br>c) Kemudahan tandas yang berasingan untuk kegunaan murid mestilah disediakan.<br><br>d) Kemudahan-kemudahan untuk rekreasi dan kokurikulum hendaklah disediakan bagi kegunaan murid. | • Institusi ini mesti mempunyai kemudahan pembelajaran yang sesuai dengan kursus yang ditawarkan.<br><br>• Bahan-bahan pembelajaran mestilah selamat digunakan. | Seksyen 84, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) Piawaian) 1998, P.U.(A) 219/98. |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | e) Semua bilik khas mesti bersesuaian dengan kurikulum / kursus pendidikan yang dianjurkan.<br><br>f) Perpustakaan hendaklah lengkap dan bersesuaian dengan kurikulum / kursus pendidikan yang dianjurkan. | | |
| 20. | Pengambilan Murid | a) Sekolah dibenarkan mengambil murid asing selepas mendapat kelulusan KHEDN.<br><br>b) Syarat kemasukan itu hendaklah selaras dengan dasar had umur kemasukan ke sekolah kerajaan.<br><br>c) Kemasukan ke tahun satu yang di bawah umur boleh dipertimbangkan. | • Permohonan untuk perekrutan pelajar asing boleh dikemukakan kepada Jabatan Imigresen selepas mendapat perakuan JPS.<br><br>• Umur kemasukan adalah 6+ tahun dan ke atas pada 1 Januari tahun persekolahan. | Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 2/95: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Swasta Kurikulum Kebangsaan (26.04.1995).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran JPS Bil. 1/1997: Syarat Bukti Kemampuan Untuk Permohonan Pas pelajar Bagi Pelajar Asing Di Institusi Pendidikan Swasta (13.9.1997).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran JPS Bil. 1/1999: Peraturan Tentang Merekrut Pelajar-Pelajar Dari Republik Rakyat China (29.12.1999).<br><br>Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002). |
| 21. | Pengiklanan | Tiada seorang pun boleh mempromosi sesuatu institusi pendidikan sama ada melalui iklan, prospektus, risalah atau selainnya kecuali telah didaftarkan atau Perakuan Pendaftaran Sementara telah | Pengiklanan yang dikeluarkan mestilah mengikut garis panduan pengiklanan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. | Seksyen 86, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Iklan) 1998 - P.U.(A) 229/98. |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | dikeluarkan. | | |

## SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS SWASTA

Sesuatu institusi pendidikan yang menawarkan program pendidikan untuk murid-murid yang berkeperluan khas dengan menggunakan Kurikulum Kebangsaan.

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Penubuhan Sekolah Pendidikan Khas Swasta | Penubuhan sekolah pendidikan khas swasta hendaklah selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan dasar masyarakat penyayang. | Setiap permohonan untuk menubuhkan sekolah disertakan dengan satu kertas kerja yang lengkap berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. | Seksyen 73, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 2/95: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Swasta Kurikulum Kebangsaan (26.04.1995).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 9/1995: Pengurusan Penubuhan Institusi Pendidikan Swasta (IPS) – 26.4.1995. |
| 2. | Pendaftaran Sekolah Pendidikan Khas Swasta | e) Pendaftaran sekolah hendaklah selaras dengan Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.<br><br>f) Perakuan Pendaftaran hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis institusi itu.<br><br>g) Sebarang pindaan kepada syarat-syarat berkaitan | • Setiap permohonan pendaftaran sekolah pendidikan khas swasta hendaklah dibuat dalam Borang A Jadual Pertama disertai fee yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Pendidikan.<br><br>• Fee permohonan pendaftaran RM 300.<br><br>• Fee permohonan membaharui Perakuan Pendaftaran RM 100.<br><br>• Perakuan Pendaftaran sah untuk tempoh 5 tahun.<br><br>• Permohonan | Subseksyen 79(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Subseksyen 82(2), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 - P.U.(A) 534/97.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 10/1995: Memperhabarui Sijil Pendaftaran Sekolah / Institusi (26.4.1995).<br><br>Surat Pekeliling |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | pendaftaran hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pendaftar.<br><br>h) Perakuan Pendaftaran tidak boleh dipindah milik. | memperbaharui Perakuan Pendaftaran hendaklah dibuat 30 hari sebelum tamat tempoh sah lakunya. | Pentadbiran BPSG Bil. 14/1995: Menaikkan Bendera Asing Di Hadapan Bangunan Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (27.9.1995). |
| 3. | Nama Institusi | Nama institusi yang dicadangkan sesuai serta mengutamakan Bahasa Melayu, mempunyai unsur-unsur pendidikan dan bercirikan Malaysia. | Nama orang kenamaan tempatan yang telah meninggal dunia boleh digunakan dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada warisnya. Lain-lain nama yang tidak boleh digunakan termasuklah yang berikut:<br>• nama orang kenamaan yang masih hidup,<br>• nama tempat,<br>• nama jalan,<br>• nama singkatan,<br>• nama yang tidak mempunyai makna.<br>• Nama institusi- institusi pendidikan yang terkenal sama ada di dalam atau luar negeri.<br>• Nama yang menggunakan "yayasan / politeknik". | Seksyen 84(c), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran 13/1995: Penamaan Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (26.04.1995).<br><br>Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta , Tahun 1994. |
| 4. | Bahasa Pengantar | Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua sekolah pendidikan khas swasta. | • Penggunaan bahasa pengantar selain bahasa kebangsaan boleh dipertimbangkan, dengan kelulusan Menteri.<br><br>• Jika bahasa pengantar selain bahasa kebangsaan diluluskan, bahasa kebangsaan hendaklah diajar sebagai mata pelajaran wajib. | Subseksyen 17(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| 5. | Kurikulum | a) Mematuhi kehendak dan keperluan Kurikulum | Guru-guru boleh mengubah suai kaedah atau teknik pengajaran, masa bagi | Seksyen 18, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | Kebangsaan setakat semu nasabahnya praktik dengan pendidikan khas.<br><br>b) Pendidikan Islam hendaklah diajar jika di institusi pendidikan mempunyai sekurang-kurangnya 5 orang pelajar beragama Islam | aktiviti dan susunan aktiviti, mata pelajaran dan bahan bantu mengajar bagi mencapai tujuan dan matlamat pendidikan khas. | Seksyen 41, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 50(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 – P.U.(A) 531/97.<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997 – P.U.(A) 532/97.<br><br>Pekeliling Pentadbiran BPSG 1/1995: Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) Di Sekolah Swasta (10.4.1995). |
| 6. | Peruntukan masa mata pelajaran KBSR dan KBSM | Sekolah pendidikan khas swasta hendaklah menggunakan jumlah masa pengajaran tidak kurang daripada tempoh minimum pendidikan rendah dan menengah. | Jadual 11 – 15 di bawah P.U.(A) 531/97. | Subseksyen 18(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 – P.U.(A) 531/97. |
| 7. | Peperiksaan | Setiap sekolah menengah / rendah hendaklah menyediakan murid-murid untuk peperiksaan. | c) Persetujuan Menteri diperlukan untuk:<br>• Masa dan tempat<br>• Fee yang dikenakan<br>• Sukatan pelajaran<br>• Bahasa pengantar bagi peperiksaan<br><br>d) Merekodkan penilaian murid-murid. | Seksyen 19, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 68, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1998 – P.U.(A) 109/98. |
| 8. | Pengurusan<br><br>(i) Sesi belajar | Sistem penggal dan | Bilangan hari | Peraturan-Peraturan |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | cuti sekolah tertakluk kepada sistem yang dilaksanakan ke atas sekolah-sekolah kerajaan. | persekolahan hendaklah sekurang-kurangnya 190 hari dalam tahun kalendar. | Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 – P.U.(A) 197/98.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran JPS Bil.3/1997: Waktu Persekolahan Dalam Bulan Puasa Di Institusi Pendidikan Swasta (28.11.1997). Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Disiplin Murid) 1998 – P.U.(A) 167/98. |
| | (j) Pengurusan murid | • Sekolah disarankan mempunyai 'student hand book'.<br>• Setiap sekolah perlu mempunyai tatacara disiplin murid. | Dokumen berkenaan boleh menjadi bahan rujukan kepada ibu bapa dan penjaga. | |
| | (k) Surat Cara pengelolaan | Tiap-tiap institusi hendaklah mempunyai surat cara pengelolaan yang dipersetujui oleh Ketua Pendaftar. | • Menubuhkan suatu Lembaga Pengelola bagi pengurusan IPS sebelum dibenarkan berdaftar dan beroperasi.<br>• Ahli Lembaga Pengelola hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya lima (5) orang termasuk pengerusi dan berdaftar. | Seksyen 53, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 88(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| | (l) Rekod Pendaftaran Murid | Setiap sekolah pendidikan khas swasta perlu mempunyai rekod pendaftaran murid. | • Buku pendaftaran murid perlu dikemas kini supaya boleh dibuat semakan & cabutan.<br>• Sekolah pendidikan khas swasta perlu mempunyai rekod kehadiran murid. | Seksyen 98, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| | (m) Buku Rekod Guru | Buku rekod guru hendaklah disenggara dengan baik. | • Buku rekod guru sentiasa dikemas kini supaya boleh dibuat semakan.<br>• Buku rekod guru hendaklah disenggara dengan baik oleh sekolah. | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 – P.U.(A) 531/97.<br><br>Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru Bil. 1/2006: Kewajipan Guru-Giri Di Sekolah Swasta Untuk Menyediakan Buku |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | | | Rekod Guru (14.4.2006). |
| | (n) Aktiviti luar murid | Setiap sekolah pendidikan khas swasta adalah bertanggungjawab terhadap keselamatan murid untuk program luar sekolah pendidikan khas swasta dan perlu mematuhi peraturan-peraturan sedia ada. | Program luar sekolah pendidikan khas swasta seperti lawatan sambil belajar mesti dimaklumkan kepada Pendaftar Sekolah dan Guru di JPN masing-masing, serta mematuhi aspek keselamatan termasuk perlindungan insurans. | |
| | (o) Keselamatan, kesihatan dan kebersihan | Setiap sekolah pendidikan khas swasta mesti mengutamakan keselamatan, kesihatan dan kebersihan murid. | Setiap sekolah pendidikan khas swasta hendaklah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh 3 agensi:<br>• Pihak Berkuasa Tempatan<br>• Bomba dan Penyelamat<br>• Pejabat Kesihatan | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Piawaian) 1998 - P.U.(A) 219/98<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran 1/1998: Penjagaan Kebersihan dan Kesihatan Sekolah Swasta dan Tadika Swasta (3.4.1998). |
| | (p) Perekrutan Pelajar Antarabangsa | Institusi yang ingin merekrut pelajar antarabangsa mestilah mendapat syor KPM dan kelulusan KHEDN. | Permohonan perekrutan pelajar antarabangsa mestilah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran dan KHEDN. | Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002). |
| 9. | Persatuan Ibu, Bapa dan Guru (PIBG) | Setiap sekolah adalah digalakkan untuk menubuhkan PIBG dan berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan. | Garis panduan penubuhan PIBG adalah seperti sekolah kerajaan yang mengambil kira aspek:<br>• Perlembagaan<br>• Keahlian<br>• Pendaftar Pertubuhan (ROS) | |
| 10. | Kerjasama pihak pengurusan syarikat dengan pihak pengurusan institusi. | Pihak pengurusan syarikat mesti bekerjasama dengan pengurusan institusi. | Pengurusan kewangan untuk tujuan belanja mengurus seperti;<br>- Gaji guru / kakitangan<br>- Peralatan<br>- Bahan P&P<br>- Kokurikulum | |
| 11. | Lokasi | a) Lokasi institusi hendaklah sesuai dengan iklim | Lokasi yang sesuai adalah seperti berikut: | Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | pengajaran pembelajaran, keselamatan, kesihatan dan lain-lain<br><br>b) Pemindahan lokasi hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan yang bertulis daripada Ketua Pendaftar. | • Tiada gangguan atau ancaman bahan kimia atau kotoran sampah.<br><br>• Tidak berdekatan dengan pusat hiburan, perjudian, rekreasi atau pasar.<br><br>• Tidak berdekatan dengan tempat yang mudah terbakar, bengkel yang bising, sungai atau bangunan lama.<br><br>• Tidak terlalu dekat dengan institusi lain yang mengendalikan kursus yang serupa. | Pendidikan Swasta , Tarikh 1994. |
| 12. | Premis | d) Premis yang digunakan bagi sekolah pendidikan khas swasta hendaklah sesuai dan selamat serta boleh didaftarkan sebagai sebuah sekolah pendidikan khas swasta.<br><br>e) Sebarang penambahan/ perpindahan premis/penubuhan cawangan hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar.<br><br>f) Setiap peringkat persekolahan hendaklah mempunyai premis yang berlainan. | • Sekolah pendidikan khas swasta rendah / menengah mesti beroperasi di premis yang berasingan walaupun dalam kawasan yang sama.<br><br>• Piawaian yang telah ditetapkan bagi premis adalah:<br>▪ Penyenggaraan<br>▪ Pencahayaan, pengudaraan dan ruang premis<br>▪ Bilik darjah<br>▪ Kemudahan asas<br>▪ premis<br>▪ Pengubahsuaian premis<br>▪ Keselamatan dan kesihatan<br>▪ Kegunaan premis<br>▪ Pengubahsuaian premis | Subseksyen 83(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Piawaian) 1998 - P.U.(A) 219/98.<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 - P.U.(A) 534/97.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 2/95: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Swasta Kurikulum Kebangsaan (26.04.1995). |
| 13. | Yuran Pengajian dan Bayaran Lain | c) Kadar yuran pengajian dan bayaran lain hendaklah berpatutan dan diluluskan oleh Ketua Pendaftar. | a. Kenaikan yuran pengajian dan bayaran lain boleh dipertimbangkan selepas 3 tahun.<br><br>b. Notis 3 bulan hendaklah dimaklumkan kepada ibu | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 - P.U.(A) 534/97.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | d) Sebarang kenaikan yuran dan bayaran lain hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar terlebih dahulu. | bapa.<br><br>c. Kadar kenaikan yuran pengajian dan bayaran lain tidak lebih dari 30%.<br><br>d. Yuran pengajian dan bayaran lain yang baru boleh dikuatkuasakan pada tahun berikutnya.<br><br>e. Senarai yuran dan bayaran lain yang diluluskan hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di tadika itu dan hendaklah juga dimasukkan di dalam prospektus sekolah. | 2/95: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Swasta Kurikulum Kebangsaan (26.04.1995). |
| 14. | Hak milik | e) Pemilikan perniagaan pendidikan hendaklah dimiliki oleh syarikat yang pemiliknya warganegara Malaysia atau syarikat usaha sama rakyat Malaysia dengan asing.<br><br>f) Syarikat hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Pendaftaran Syarikat (ROC).<br><br>g) Bagi syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Malaysia, ia dikehendaki mendaftar sebuah anak syarikat sebagai sebuah Syarikat Sendirian Berhad. Syarikat yang disenaraikan itu dibenarkan memiliki saham sehingga 70% ekuiti dalam anak syarikat itu, dan mengekalkan | • Pemilikan institusi pendidikan sama ada dimiliki oleh warganegara Malaysia atau dimiliki secara usaha sama warganegara Malaysia dan asing.<br><br>• Jika institusi itu ditubuhkan di bawah nama syarikat (ROC), ia hendaklah mempunyai ekuiti minimum Bumiputera sekurang-kurangnya 30%.<br><br>• Sebarang pindaan struktur ekuiti/ perubahan pemegang saham/ pindah hak milik mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Aktiviti-aktiviti syarikat berkaitan pendidikan mesti jelas dinyatakan di dalam *Memorandum and Articles* (M&A).<br><br>• Bagi persatuan / pertubuhan yang hendak menjalankan aktiviti pendidikan, maka perlembagaan persatuan | Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 2/95: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Swasta Kurikulum Kebangsaan (26.04.1995). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | pemilikan ekuiti bumiputera 30%.<br><br>h) Pusat bimbingan boleh dimiliki oleh pertubuhan / persatuan yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis. | / pertubuhan berkenaan hendaklah menyatakannya dengan jelas seperti yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS). | |
| 15. | Modal | c) Modal yang dibenarkan dan modal berbayar syarikat yang dimiliki sesebuah institusi hendaklah menggambarkan keupayaan yang mencukupi bagi menubuhkan sesebuah institusi.<br><br>d) Maklumat berkaitan pemegang saham syarikat hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen yang berkaitan. | • Modal berbayar sesebuah syarikat yang memiliki institusi hendaklah sekurang-kurangnya RM100,000.00.<br><br>• Modal dalam bentuk saham tidak boleh diterima sebagai bukti keupayaan kewangan. | Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta, Tahun 1994. |
| 16. | Lembaga Pengelola | e) Ahli Lembaga Pengelola mesti warganegara Malaysia.<br><br>f) Ahli Lembaga Pengelola mestilah bebas daripada tindakan mahkamah.<br><br>g) Ahli-ahli Lembaga Pengelola hendaklah berdaftar dengan Ketua Pendaftar dan membayar fee yang dikenakan.<br><br>h) Bilangan minimum Ahli Lembaga Pengelola Sekolah adalah lima (5) orang. | • Pengurusan institusi mestilah berdasarkan suratcara pengelolaannya.<br><br>• Sebarang perubahan pada Ahli Lembaga Pengelola mesti mendapat kebenaran daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Fee:<br>Permohonan: RM 5<br>Permit Pengelola: RM 2<br>(sah laku permit selama setahun) | Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 2/95: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Swasta Kurikulum Kebangsaan (26.04.1995).<br><br>Subseksyen 53(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Subseksyen 88(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 17. | Guru Besar / Pengetua Sekolah Pendidikan Khas Swasta | d) Guru Besar / Pengetua sekolah pendidikan khas swasta mesti warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan dan pengalaman bersesuaian pengurusan murid-murid berkeperluan khas.<br><br>e) Guru Besar / Pengetua yang dilantik hendaklah diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>f) Guru Besar / Pengetua mesti mempunyai Perakuan Pendaftaran atau Permit Mengajar. | • Kelayakan minimum Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau lain-lain kelayakan yang setaraf dengannya.<br><br>• Sebarang pertukaran guru besar / pengetua mesti mendapat kebenaran daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Semua Guru Besar / Pengetua yang dilantik hendaklah bebas dari sebarang tindakan mahkamah dan lulus tapisan keselamatan Polis Diraja Malaysia.<br><br>• Guru Besar / Pengetua yang dilantik hendaklah berusia tidak melebihi 66 tahun. | Seksyen 103, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| 18. | Guru | g) Guru-guru mestilah warganegara Malaysia yang berdaftar & berkelayakan sekurang-kurangnya di peringkat SPM atau yang setaraf dengannya, serta mempunyai kelayakan profesional khususnya dalam pendidikan khas.<br><br>h) Guru hendaklah berdaftar dan membayar fee yang dikenakan.<br><br>i) Permit Mengajar hanya sah untuk institusi yang dipohon sahaja.<br><br>j) Sekolah swasta mesti mempunyai guru Pendidikan Islam bertauliah | • Guru-guru berdaftar dibenarkan berkhidmat pada umur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun. Selepas usia 60 tahun boleh dilantik secara kontrak tahunan jika perlu.<br><br>• Fee:<br>Permohonan: RM 5<br>Permit Mengajar: RM 2 (sah laku permit selama setahun).<br><br>• Kelulusan Permit Mengajar oleh Ketua Pendaftar tertakluk kepada tahap kesihatan dan perkara-perkara lain yang difikirkan sesuai.<br><br>• Guru Pendidikan Islam hendaklah mempunyai Perakuan Pendaftaran atau Permit Mengajar.<br><br>• Perakuan kesihatan | Seksyen 103, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 114, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 4/1995: Permohonan Perakuan Pendaftaran Guru (PPG) – 26.4.1995.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 5/1995: Permohonan Permit Mengajar Bagi Guru-Guru Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (IPS) – 26.4.1995. |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam dan komponen PAFA.<br><br>k) Guru mesti mendapat perakuan kesihatan daripada doktor perubatan yang bertauliah.<br><br>l) Guru mesti lulus tapisan keselamatan Polis. | adalah untuk memastikan guru sihat dari segi mental dan fizikal.<br><br>• Tapisan keselamatan polis adalah untuk memastikan guru bebas daripada rekod jenayah. | |
| 19. | Kemudahan Peralatan (termasuk bilik darjah dan bilik khas) | g) Kemudahan dan peralatan yang disediakan hendaklah bersesuaian sebagai sekolah pendidikan khas swasta seperti yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>h) Kemudahan surau hendaklah disediakan untuk kegunaan murid-murid beragama Islam.<br><br>i) Kemudahan tandas yang berasingan untuk kegunaan murid mestilah disediakan.<br><br>j) Kemudahan-kemudahan untuk rekreasi dan kokurikulum hendaklah disediakan bagi kegunaan murid.<br><br>k) Semua bilik khas mesti bersesuaian dengan kurikulum / kursus pendidikan yang dianjurkan.<br><br>l) Perpustakaan hendaklah lengkap dan bersesuaian dengan kurikulum / | • Institusi ini mesti mempunyai kemudahan pembelajaran yang sesuai dengan murid-murid berkeperluan khas.<br><br>• Bahan-bahan pembelajaran mestilah selamat digunakan. | Seksyen 84, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) Piawaian) 1998, P.U.(A) 219/98.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 2/95: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Swasta Kurikulum Kebangsaan (26.04.1995). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | kursus pendidikan yang dianjurkan. | | |
| 20. | Pengambilan Murid | d) Sekolah pendidikan khas swasta dibenarkan mengambil murid asing selepas mendapat kelulusan KHEDN.<br><br>e) Murid-murid yang layak mengikuti pendidikan khas adalah seperti yang dinyatakan pada peraturan 3 di bawah P.U.(A) 532/97. | • Permohonan untuk perekrutan pelajar asing boleh dikemukakan kepada KHEDN selepas mendapat perakuan JPS.<br><br>• Umur kemasukan adalah mengikut kesediaan murid untuk menerima pendidikan formal. | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997 – P.U.(A) 532/97.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran JPS Bil. 1/1997: Syarat Bukti Kemampuan Untuk Permohonan Pas pelajar Bagi Pelajar Asing Di Institusi Pendidikan Swasta (13.9.1997).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran JPS Bil. 1/1999: Peraturan Tentang Merekrut Pelajar-Pelajar Dari Republik Rakyat China (29.12.1999).<br><br>Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002). |
| 21. | Pengiklanan | Tiada seorang pun boleh mempromosi sesuatu institusi pendidikan sama ada melalui iklan, prospektus, risalah atau selainnya kecuali telah didaftarkan atau Perakuan Pendaftaran Sementara telah dikeluarkan. | Pengiklanan yang dikeluarkan mestilah mengikut garis panduan pengiklanan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. | Seksyen 86, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Iklan) 1998 - P.U.(A) 229/98. |

## TAFSIRAN SEKOLAH ANTARABANGSA DAN SEKOLAH EKSPATRIAT:

**Sekolah Antarabangsa:** Sesuatu institusi pendidikan yang menawarkan program pendidikan peringkat tadika, rendah dan menengah dengan menggunakan kurikulum negara luar serta menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar untuk pendidikan anak-anak warganegara asing.

**Sekolah Ekspatriat:** Sesuatu institusi pendidikan yang menawarkan program pendidikan peringkat tadika, rendah dan menengah dengan menggunakan kurikulum negara asal serta menggunakan bahasa rasmi negara masing-masing sebagai bahasa pengantar untuk memberikan pendidikan kepada warganegara masing-masing.

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Penubuhan Institusi | c) Penubuhan sekolah antarabangsa / ekspatriat adalah untuk memenuhi keperluan masyarakat ekspatriat serta menarik kemasukan FDI ke Malaysia.<br><br>d) Penubuhan sekolah antarabangsa / ekspatriat hendaklah selaras dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. | • Setiap permohonan untuk menubuhkan sekolah hendaklah disertakan dengan satu kertas kerja yang lengkap dengan mengikuti dasar dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.<br><br>• Sekolah antarabangsa yang hendak ditubuhkan dan didaftarkan disyaratkan sama ada:<br><br>➢ kampus cawangan kepada sekolah antarabangsa antarabangsa yang ternama; atau<br><br>➢ mempunyai rangkaian kerjasama dengan sekolah antarabangsa luar negara. | Seksyen 73, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 3/1995: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Menengah "Ekspatriat" (26.4.1995). |
| 2. | Pendaftaran Institusi | i) Pendaftaran institusi pendidikan hendaklah selaras dengan Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan- | • Setiap permohonan pendaftaran institusi pendidikan hendaklah dibuat dalam Borang A Jadual Pertama disertai fee yang ditetapkan | Subseksyen 79(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Subseksyen 82(2), Akta Pendidikan 1996 |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | Peraturan yang dibuat di bawahnya.<br><br>j) Perakuan Pendaftaran hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis institusi itu.<br><br>k) Sebarang pindaan kepada syarat-syarat berkaitan pendaftaran hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pendaftar.<br><br>l) Perakuan Pendaftaran tidak boleh dipindah milik. | oleh Peraturan-Peraturan Pendidikan.<br><br>• Fee permohonan pendaftaran RM 300.<br><br>• Fee permohonan membaharui Perakuan Pendaftaran RM 100.<br><br>• Perakuan Pendaftaran sah untuk tempoh 5 tahun.<br><br>• Permohonan memperbaharui Perakuan Pendaftaran hendaklah dibuat 30 hari sebelum tamat tempoh sah lakunya. | (Akta 550).<br><br>Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 - P.U.(A) 534/97.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 10/1995: Memperhabarui Sijil Pendaftaran Sekolah / Institusi (26.4.1995).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG Bil. 14/1995: Menaikkan Bendera Asing Di Hadapan Bangunan Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (27.9.1995). |
| 3. | Nama Institusi | Nama institusi yang dicadangkan adalah hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pendaftar. | Nama orang kenamaan tempatan yang telah meninggal dunia boleh digunakan dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada warisnya. Lain-lain nama yang tidak boleh digunakan termasuklah yang berikut:<br>• nama orang kenamaan yang masih hidup,<br>• nama tempat,<br>• nama jalan,<br>• nama singkatan,<br>• nama yang tidak mempunyai makna.<br>• Nama institusi- institusi pendidikan yang terkenal sama ada di dalam atau luar negeri.<br>• Nama yang menggunakan “yayasan / politeknik”. | Seksyen 84(c), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 3/1995: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Menengah ”Ekspatriat” (26.4.1995).<br><br>Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta , Tahun 1994. |
| 4. | Bahasa Pengantar | a) Bahasa Inggeris hendaklah menjadi bahasa pengantar bagi tadika dan sekolah antarabangsa. | Mata pelajaran Bahasa Kebangsaan hendaklah diajarkan kepada murid-murid warganegara Malaysia yang bersekolah di sekolah antarabangsa / | Seksyen 17, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | b) Bahasa rasmi negara hendaklah menjadi bahasa pengantar bagi tadika dan sekolah ekspatriat. | ekspatriat mengikut cara yagn ditetapkan oleh Ketua Pendaftar. | |
| 5. | Kurikulum | d) Kurikulum negara luar yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>e) Pelajar Islam warganegara Malaysia wajib mengambil di ajar Pendidikan Islam mengikut Kurikulum Kebangsaan. | c) Mata pelajaran adalah berdasarkan kurikulum negara luar yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>d) Matapelajaran wajib berikut hendaklah diajar dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan kepada murid-murid warganegara Malaysia di sekolah antarabangsa:<br><br>a. Menggunakan KBSR:<br>i. Bahasa Melayu;<br>ii. Pendidikan Islam (untuk murid beragama Islam) / Pendidikan Moral (untuk murid bukan beragama Islam); dan<br>iii. Kajian Tempatan.<br>b. Menggunakan KBSM:<br>i. Bahasa Melayu;<br>ii. Pendidikan Islam (untuk murid beragama Islam) / Pendidikan Moral (untuk murid bukan beragama Islam); dan<br>iii. Sejarah.<br><br>e) Pendidikan Islam hendaklah diajar jika di institusi pendidikan mempunyai sekurang-kurangnya 5 orang pelajar beragama Islam, dan diajar sekurang-kurangnya 2 jam | Subseksyen 50(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 – P.U.(A) 531/97.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 3/1995: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Menengah "Ekspatriat" (26.4.1995).<br><br>Pekeliling Pentadbiran BPSG 1/1995: Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) Di Sekolah Swasta (10.4.1995).<br><br>Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru Bil. 3/2006: Pelaksanaan Dasar Kemasukan 40% Murid Warganegara Malaysia Ke Sekolah-Sekolah Antarabangsa (21.7.2006). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | | seminggu. | |
| 6. | Peperiksaan | Kecuali tadika, setiap institusi pendidikan hendaklah menyediakan murid-murid untuk peperiksaan mengikut kurikulum negara luar yang diluluskan. | e) Kelulusan Pengarah peperiksaan diperlukan untuk mengendalikan peperiksaan luar:<br>• Masa dan tempat<br>• Fee yang dikenakan<br>• Sukatan pelajaran<br>• Bahasa pengantar bagi peperiksaan<br><br>f) Merekodkan pencapaian murid-murid. | Seksyen 68, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Subseksyen 69(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 – P.U.(A) 109/98. |
| 7. | Pengurusan | | | |
| | (q) Sesi belajar | Sistem penggal dan cuti persekolahan tertakluk kepada sistem yang dilaksanakan oleh kurikulum yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar. | Bilangan hari persekolahan hendaklah seperti mana kehendak kurikulum yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar. | Surat Pekeliling Pentadbiran JPS Bil.3/1997: Waktu Persekolahan Dalam Bulan Puasa Di Institusi Pendidikan Swasta (28.11.1997). |
| | (r) Pengurusan murid | • Institusi pendidikan disarankan mempunyai 'student hand book'.<br>• Setiap institusi pendidikan perlu mempunyai tatacara disiplin murid. | Dokumen berkenaan boleh menjadi bahan rujukan kepada ibu bapa dan penjaga. | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Disiplin Murid) 1998 – P.U.(A) 167/98. |
| | (s) Surat Cara pengelolaan | Tiap-tiap institusi hendaklah mempunyai surat cara pengelolaan yang dipersetujui oleh Ketua Pendaftar. | • Menubuhkan suatu Lembaga Pengelola bagi pengurusan IPS sebelum dibenarkan berdaftar dan beroperasi.<br>• Ahli Lembaga Pengelola hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya lima (5) orang termasuk pengerusi dan berdaftar. | Seksyen 53, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Subseksyen 88(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| | (t) Rekod Pendaftaran Murid | Tiap-tiap institusi pendidikan perlu mempunyai rekod pendaftaran murid. | • Buku pendaftaran murid perlu dikemas kini supaya boleh dibuat semakan & cabutan.<br>• Institusi pendidikan perlu mempunyai rekod kehadiran murid. | Seksyen 98, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | (u) Buku Rekod Guru | Buku rekod guru hendaklah disenggara dengan baik. | • Buku rekod guru sentiasa dikemas kini supaya boleh dibuat semakan.<br>• Buku rekod guru hendaklah disenggara dengan baik oleh sekolah. | |
| | (v) Aktiviti luar murid. | Tiap-tiap institusi pendidikan adalah bertanggungjawab terhadap keselamatan murid untuk program luar institusi pendidikan dan perlu mematuhi peraturan-peraturan sedia ada. | Program uar institusi pendidikan seperti lawatan sambil belajar mesti dimaklumkan kepada Pendaftar Sekolah dan Guru di JPN masing-masing, serta mematuhi aspek keselamatan termasuk perlindungan insurans. | Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 3/1995: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Menengah "Ekspatriat" (26.4.1995). |
| | (w) Keselamatan, kesihatan dan kebersihan | Tiap-tiap institusi pendidikan mesti mengutamakan keselamatan, kesihatan dan kebersihan murid. | Setiap institusi pendidikan hendaklah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh 3 agensi:<br>• Pihak Berkuasa Tempatan<br>• Bomba dan Penyelamat<br>• Pejabat Kesihatan | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Piawaian) 1998 - P.U.(A) 219/98.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran 1/1998: Penjagaan Kebersihan dan Kesihatan Sekolah Swasta dan Tadika Swasta (3.4.1998). |
| | (x) Perekrutan Pelajar Antarabangsa | Institusi yang ingin merekrut pelajar antarabangsa mestilah mendapat syor KPM dan kelulusan KHEDN. | Permohonan perekrutan pelajar antarabangsa mestilah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran dan KHEDN. | Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002). |
| 8. | Penarafan Sekolah | a) Sekolah antarabangsa / ekspatriat adalah digalakkan menjadi ahli kepada pertubuhan pendidikan antarabangsa seperti *Council International School* (CIS) *Western Association of Schools and Colleges* (WASC) dan *New England Association of Schools and Colleges* (NEASC). | • Penglibatan dalam mana-mana pertubuhan pendidikan antarabangsa akan membolehkan sekolah mematuhi piawaian antarabangsa.<br><br>• Penarafan standard akan membolehkan sekolah mendapat taraf akreditasi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. | |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | b) Sekolah antarabangsa / ekspatriat adalah digalakkan untuk memperoleh penarafan standard / akreditasi oleh mana-mana organisasi antarabangsa yang berautoriti. | | |
| 9. | Persatuan Ibu, Bapa dan Guru (PIBG) | Setiap sekolah antarabangsa / ekspatriat adalah digalakkan untuk menubuhkan PIBG dan berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan. | Garis panduan penubuhan PIBG adalah seperti sekolah kerajaan yang mengambil kira aspek:<br>• Perlembagaan<br>• Keahlian<br>• Pendaftar Pertubuhan (ROS) | |
| 10. | Lokasi | a) Lokasi institusi hendaklah sesuai dengan iklim pengajaran pembelajaran, keselamatan, kesihatan dan lain-lain<br><br>b) Pemindahan lokasi hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan yang bertulis daripada Ketua Pendaftar. | Lokasi yang sesuai adalah seperti berikut:<br><br>• Tiada gangguan atau ancaman bahan kimia atau kotoran sampah.<br><br>• Tidak berdekatan dengan pusat hiburan, perjudian, rekreasi atau pasar.<br><br>• Tidak berdekatan dengan tempat yang mudah terbakar, bengkel yang bising, sungai atau bangunan lama.<br><br>• Tidak terlalu dekat dengan institusi lain yang mengendalikan kursus yang serupa. | Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta, Tahun 1994. |
| 11. | Kerjasama pihak pengurusan syarikat dengan pihak pengurusan institusi. | Pihak pengurusan syarikat mesti bekerjasama dengan pengurusan institusi. | Bantuan kewangan untuk tujuan belanja mengurus seperti;<br>- Gaji guru / kakitangan<br>- Peralatan<br>- Bahan P&P<br>- Kokurikulum | |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 12. | Premis | g) Premis yang digunakan bagi institusi pendidikan hendaklah sesuai dan selamat serta boleh didaftarkan sebagai sebuah sekolah.<br><br>h) Sebarang penambahan/ perpindahan premis/penubuhan cawangan hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar.<br><br>i) Setiap peringkat persekolahan hendaklah mempunyai premis yang berlainan. | • Institusi pendidikan mesti beroperasi di premis yang berasingan walaupun dalam kawasan yang sama.<br><br>• Piawaian yang telah ditetapkan bagi premis adalah:<br>▪ Penyenggaraan<br>▪ Pencahayaan, pengudaraan dan ruang premis<br>▪ Bilik darjah<br>▪ Kemudahan asas<br>▪ premis<br>▪ Pengubahsuaian premis<br>▪ Keselamatan dan kesihatan<br>▪ Kegunaan premis<br>▪ Pengubahsuaian premis | Subseksyen 83(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Piawaian) 1998 - P.U.(A) 219/98.<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 - P.U.(A) 534/97. |
| 13. | Yuran Pengajian dan Bayaran Lain | e) Kadar yuran pengajian dan bayaran lain hendaklah berpatutan dan diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>f) Sebarang kenaikan yuran dan bayaran lain hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar terlebih dahulu. | • Kenaikan yuran pengajian dan bayaran lain boleh dipertimbangkan selepas 3 tahun.<br><br>• Notis 3 bulan hendaklah dimaklumkan kepada ibu bapa.<br><br>• Kadar kenaikan yuran pengajian dan bayaran lain tidak lebih dari 30%.<br><br>• Yuran pengajian dan bayaran lain yang baru boleh dikuatkuasakan pada tahun berikutnya.<br><br>• Senarai yuran dan bayaran lain yang diluluskan hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di tadika itu dan hendaklah juga dimasukkan di dalam prospektus sekolah. | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 – P.U.(A) 534/97.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 3/1995: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Menengah ”Ekspatriat” (26.4.1995). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 14. | Hak milik | i) Pemilikan perniagaan pendidikan hendaklah dimiliki oleh syarikat yang pemiliknya warganegara Malaysia atau syarikat usaha sama rakyat Malaysia dengan asing.<br><br>j) Syarikat hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Pendaftaran Syarikat (ROC).<br><br>k) Bagi syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Malaysia, ia dikehendaki mendaftar sebuah anak syarikat sebagai sebuah Syarikat Sendirian Berhad. Syarikat yang disenaraikan itu dibenarkan memiliki saham sehingga 70% ekuiti dalam anak syarikat itu, dan mengekalkan pemilikan ekuiti bumiputera 30%.<br><br>l) Institusi pendidikan boleh dimiliki oleh pertubuhan / persatuan yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis atau pihak kedutaan bagi sekolah ekspatriat. | • Pemilikan institusi pendidikan sama ada dimiliki oleh warganegara Malaysia atau dimiliki secara usaha sama warganegara Malaysia dan asing.<br><br>• Jika institusi itu ditubuhkan di bawah nama syarikat (ROC), ia hendaklah mempunyai ekuiti minimum Bumiputera sekurang-kurangnya 30%.<br><br>• Sebarang pindaan struktur ekuiti / perubahan pemegang saham / pindah hak milik mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Aktiviti-aktiviti syarikat berkaitan pendidikan mesti jelas dinyatakan di dalam *Memorandum and Article*s (M&A).<br><br>• Bagi persatuan / pertubuhan yang hendak menjalankan aktiviti pendidikan, maka perlembagaan persatuan / pertubuhan berkenaan hendaklah menyatakannya dengan jelas seperti yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS). | Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 3/1995: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Menengah "Ekspatriat" (26.4.1995). |
| 15. | Modal | m) Modal yang dibenarkan dan modal berbayar syarikat yang dimiliki sesebuah institusi pendidikan hendaklah | • Modal berbayar yang dimiliki sesebuah syarikat yang memiliki institusi hendaklah sekurang-kurangnya RM 100,000.00. | Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran IPS/BPSG, 1994. |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | menggambarkan keupayaan yang mencukupi bagi menubuhkan sesebuah institusi.<br><br>n) Maklumat berkaitan pemegang saham syarikat hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen yang berkaitan. | • Modal dalam bentuk saham tidak boleh diterima sebagai bukti keupayaan kewangan. | |
| 16. | Lembaga Pengelola | i) Ahli Lembaga Pengelola hendaklah dilantik dan boleh terdiri daripada warganegara Malaysia dan asing.<br><br>j) Pengerusi Lembaga pengelola yang dilantik hendaklah warganegara Malaysia sahaja.<br><br>k) Ahli Lembaga Pengelola mestilah bebas daripada tindakan mahkamah.<br><br>l) Ahli-ahli Lembaga Pengelola hendaklah berdaftar dengan Ketua Pendaftar dan membayar fee yang dikenakan.<br><br>m) Bilangan minimum Ahli Lembaga Pengelola Sekolah adalah lima (5) orang. | • Pengurusan institusi mestilah berdasarkan suratcara pengelolaannya.<br><br>• Sebarang perubahan pada Ahli Lembaga Pengelola mesti mendapat kebenaran daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Fee:<br>Permohonan: RM 5<br>Permit Pengelola: RM 2 (sah laku permit selama setahun). | Subseksyen 53(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Subseksyen 88(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 3/1995: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Menengah "Ekspatriat" (26.4.1995). |
| 17. | Guru Besar / Pengetua | g) Guru Besar / Pengetua institusi pendidikan hendaklah mempunyai kelayakan dan pengalaman bersesuaian dalam bidang pendidikan antarabangsa. | • Kelayakan minimum ijazah pertama dalam bidang pendidikan dan mempunyai pengalaman luas dalam pengurusan pendidikan.<br><br>• Sebarang pertukaran guru besar / pengetua mesti mendapat kebenaran daripada | Seksyen 103, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 3/1995: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Menengah |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | h) Guru Besar / Pengetua yang dilantik hendaklah diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>i) Guru Besar / Pengetua mesti mempunyai Perakuan Pendaftaran atau Permit Mengajar. | Ketua Pendaftar.<br><br>• Semua Guru Besar / Pengetua yang dilantik hendaklah bebas dari sebarang tindakan mahkamah dan lulus tapisan keselamatan Polis Diraja Malaysia.<br><br>• Guru Besar / Pengetua yang dilantik hendaklah berusia tidak melebihi 66 tahun.<br><br>• Guru Besar / Pengetua asing yang dilantik hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pendaftar dan telah mendapat kelulusan pas penggajian dari Jabatan Imigresen. | "Ekspatriat" (26.4.1995).<br><br>Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 4/2002: Dasar Pengambilan / Penempatan Pakar / Pegawai / Guru-Guru Bukan Warganegara Di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta / Institusi Pendidikan Swasta (18.2.2002).<br><br>Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002). |
| 18. | Guru | m) Guru-guru yang dilantik hendaklah berdaftar & berkelayakan sekurang-kurangnya di peringkat ijazah pertama bidang pendidikan.<br><br>n) Guru hendaklah berdaftar dan membayar fee yang dikenakan.<br><br>o) Permit Mengajar hanya sah untuk institusi yang dipohon sahaja.<br><br>p) Institusi pendidikan mesti mempunyai guru Pendidikan Islam bertauliah untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam.<br><br>q) Guru mesti mendapat perakuan kesihatan daripada doktor perubatan yang bertauliah. | • Guru-guru berdaftar dibenarkan berkhidmat pada umur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun. Selepas usia 60 tahun boleh dilantik secara kontrak tahunan jika perlu.<br><br>• Fee:<br>Permohonan: RM 5<br>Permit Mengajar: RM 2 (sah laku permit selama setahun).<br><br>• Kelulusan Permit Mengajar oleh Ketua Pendaftar tertakluk kepada tahap kesihatan & perkara-perkara lain yang difikirkan sesuai.<br><br>• Perakuan kesihatan adalah untuk memastikan guru sihat dari segi mental dan fizikal.<br><br>• Tapisan keselamatan polis adalah untuk memastikan guru bebas daripada rekod jenayah. | Seksyen 103, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 114 Akta, Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 3/1995: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Menengah "Ekspatriat" (26.4.1995).<br><br>Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 4/2002: Dasar Pengambilan / Penempatan Pakar / Pegawai / Guru-Guru Bukan Warganegara Di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta / Institusi Pendidikan Swasta (18.2.2002). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | r) Guru mesti lulus tapisan keselamatan Polis.<br><br>s) Guru warganegara asing hendaklah mendapat pas penggajian dari Jabatan Imigresen sebelum dilantik sebagai guru. | • Kelulusan dari Ketua Pendaftar hendaklah terlebih dahulu diperoleh sebelum menggaji guru asing. | Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 4/1995: Permohonan Perakuan Pendaftaran Guru (PPG) – 26.4.1995.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 5/1995: Permohonan Permit Mengajar Bagi Guru-Guru Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (IPS) – 26.4.1995.<br><br>Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002). |
| 19. | Kemudahan Peralatan (termasuk bilik darjah dan bilik khas) | m) Kemudahan dan peralatan yang disediakan hendaklah bersesuaian sebagai institusi pendidikan seperti yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>n) Kemudahan surau hendaklah disediakan untuk kegunaan murid-murid beragama Islam.<br><br>o) Kemudahan tandas yang berasingan untuk kegunaan murid mestilah disediakan.<br><br>p) Kemudahan-kemudahan untuk rekreasi dan kokurikulum hendaklah disediakan bagi kegunaan murid.<br><br>q) Semua bilik khas mesti bersesuaian dengan kurikulum / kursus pendidikan yang dianjurkan. | • Institusi ini mesti mempunyai kemudahan pembelajaran yang sesuai dengan kursus yang ditawarkan.<br><br>• Bahan-bahan pembelajaran mestilah selamat digunakan. | Seksyen 84, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) Piawaian) 1998, P.U.(A) 219/98.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 3/1995: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Menengah "Ekspatriat" (26.4.1995). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | r) Perpustakaan hendaklah lengkap dan bersesuaian dengan kurikulum / kursus pendidikan yang dianjurkan. | | |
| 20. | Pengambilan Murid | f) Sekolah ekspatriat hanya terbuka untuk warganegara asing sahaja.<br><br>g) Sekolah antarabangsa dibenarkan mengambil murid warganegara Malaysia dengan bilangan had siling 40% daripada kapasiti maksimum kemasukan murid ke sekolah berkenaan.<br><br>h) Setiap sekolah antarabangsa dan sekolah ekspatriat perlu mendapat kelulusan KHEDN sebelum dibenarkan mengambil murid warganegara asing. | a) Warganegara Malaysia yang hendak bersekolah sekolah antarabangsa / ekspatriat hendaklah:<br><br>i) Mengemukakan permohonan dengan menggunakan borang Lampiran A1.<br><br>ii) Murid yang diluluskan kemasukan hendaklah mendaftar ke sekolah antarabangsa dalam tempoh 3 bulan dari tarikh kelulusan.<br><br>b) Permohonan untuk perekrutan pelajar asing boleh dikemukakan kepada KHEDN selepas mendapat perakuan JPS. | Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1975: Kemasukan Murid-Murid Warganegara Ke Sekolah-Sekolah SUWA Yang Dikhaskan Untuk Murid-Murid Dagang (Espatriate) – 5.8.1975<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 3/1995: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Menengah "Ekspatriat" (26.4.1995).<br><br>Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru Bil. 3/2006: Pelaksanaan Dasar Kemasukan 40% Murid Warganegara Malaysia Ke Sekolah-Sekolah Antarabangsa (21.7.2006).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran JPS Bil. 1/1997: Syarat Bukti Kemampuan Untuk Permohonan Pas Pelajar Bagi Pelajar Asing Di Institusi Pendidikan Swasta (13.9.1997).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran JPS Bil. 1/1999: Peraturan Tentang Merekrut Pelajar-Pelajar Dari Republik Rakyat China (29.12.1999).<br><br>Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002). |
| 21. | Pengiklanan | Tiada seorang pun boleh mempromosi sesuatu institusi pendidikan sama ada | Pengiklanan yang dikeluarkan mestilah mengikut garis panduan pengiklanan yang | Seksyen 86, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | melalui iklan, prospektus, risalah atau selainnya kecuali telah didaftarkan atau Perakuan Pendaftaran Sementara telah dikeluarkan. | ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Iklan) 1998 - P.U.(A) 229/98. |

## SEKOLAH GAYA POS

### TAFSIRAN SEKOLAH GAYA POS

Sesuatu institusi pendidikan yang menyediakan ajaran atau pengajaran melalui surat atau bahan cetak.

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Penubuhan Sekolah Gaya Pos | Penubuhan sekolah gaya pos hendaklah selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan dasar persyarikatan Malaysia. | Setiap permohonan untuk menubuhkan sekolah disertakan dengan satu kertas kerja yang lengkap berdasarkan garis panduan yang diterapkan oleh Kementerian Pelajaran. | Seksyen 73, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 9/1995: Pengurusan Penubuhan Institusi Pendidikan Swasta (IPS) – 26.4.1995. |
| 2. | Pendaftaran Sekolah Gaya Pos | m) Pendaftaran sekolah hendaklah selaras dengan Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.<br><br>n) Perakuan Pendaftaran hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis institusi itu.<br><br>o) Sebarang pindaan kepada syarat-syarat berkaitan pendaftaran hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pendaftar.<br><br>p) Perakuan Pendaftaran tidak boleh dipindah milik. | • Setiap permohonan pendaftaran sekolah Gaya pos hendaklah dibuat dalam Borang A Jadual Pertama disertai fee yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Pendidikan.<br><br>• Fee permohonan pendaftaran RM 300.<br><br>• Fee permohonan membaharui Perakuan Pendaftaran RM 100.<br><br>• Perakuan Pendaftaran sah untuk tempoh 5 tahun.<br><br>• Permohonan memperbaharui Perakuan Pendaftaran hendaklah dibuat 30 hari sebelum tamat tempoh sah lakunya. | Subseksyen 79(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Subseksyen 82(2), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 - P.U.(A) 534/97.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 10/1995: Memperhabarui Sijil Pendaftaran Sekolah / Institusi (26.4.1995).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG Bil. 14/1995: Menaikkan Bendera Asing Di Hadapan Bangunan Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (27.9.1995). |
| 3. | Nama Institusi | Nama institusi yang dicadangkan sesuai | Nama orang kenamaan tempatan yang telah | Seksyen 84(c), Akta Pendidikan 1996 |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | serta mengutamakan Bahasa Melayu, mempunyai unsur-unsur pendidikan dan bercirikan Malaysia. | meninggal dunia boleh digunakan dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada warisnya. Lain-lain nama yang tidak boleh digunakan termasuklah yang berikut:<br>• nama orang kenamaan yang masih hidup,<br>• nama tempat,<br>• nama jalan,<br>• nama singkatan,<br>• nama yang tidak mempunyai makna.<br>• Nama institusi- institusi pendidikan yang terkenal sama ada di dalam atau luar negeri.<br>• Nama yang menggunakan "yayasan / politeknik". | (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran 13/1995: Penamaan Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (26.04.1995).<br><br>Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta , Tahun 1994. |
| 4. | Bahasa Pengantar | Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua sekolah gaya pos. | Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa perantaraan dalam surat dan bahan cetak. | Subseksyen 17(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) |
| 5. | Kurikulum | Bahan pengajian di sekolah gaya pos hendaklah khusus memberi pendidikan dan bimbingan atau bantuan kepada murid untuk menduduki peperiksaan. | Bahan pengajaran sekolah gaya pos hendaklah menggunakan Kurikulum Kebangsaan. | Subseksyen 18(2), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 – P.U.(A) 531/97. |
| 6. | Pengurusan<br><br>(y) Surat Cara pengelolaan | <br><br>Tiap-tiap institusi hendaklah mempunyai surat cara pengelolaan yang dipersetujui oleh Ketua Pendaftar. | <br><br>• Menubuhkan suatu Lembaga Pengelola bagi pengurusan IPS sebelum dibenarkan berdaftar dan beroperasi.<br>• Ahli Lembaga Pengelola hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya lima (5) orang termasuk pengerusi dan berdaftar. | <br><br>Seksyen 53, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Subseksyen 88(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| | (z) Rekod | Setiap sekolah gaya pos | | Seksyen 98, Akta |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | Pendaftaran Murid<br><br>(aa)Keselamatan | perlu mempunyai rekod pendaftaran murid.<br><br>Setiap sekolah gaya pos mesti mengutamakan keselamatan bangunan. | Buku pendaftaran murid perlu dikemas kini supaya boleh dibuat semakan dan cabutan.<br><br>Setiap institusi pendidikan hendaklah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh 3 agensi:<br>• Pihak Berkuasa Tempatan<br>• Bomba dan Penyelamat<br>• Pejabat Kesihatan | Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Piawaian) 1998 - P.U.(A) 219/98. |
| 7. | Premis | j) Premis yang digunakan bagi sekolah gaya pos hendaklah sesuai dan selamat serta boleh didaftarkan sebagai sebuah sekolah gaya pos.<br><br>k) Sebarang penambahan/ perpindahan premis/penubuhan cawangan hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar. | Kelulusan menggunakan premis bagi kegunaan institusi pendidikan hendaklah diperoleh terlebih dahulu dari Ketua Pendaftar. | Seksyen 83(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Piawaian) 1998 - P.U.(A) 219/98.<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 - P.U.(A) 534/97. |
| a) | Yuran Pengajian dan Bayaran Lain | g) Kadar yuran pengajian dan bayaran lain hendaklah berpatutan dan diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>h) Sebarang kenaikan yuran dan bayaran lain hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar terlebih dahulu. | • Kenaikan yuran pengajian dan bayaran lain boleh dipertimbangkan selepas 3 tahun.<br><br>• Notis 3 bulan hendaklah dimaklumkan kepada ibu bapa dan murid.<br><br>• Kadar kenaikan yuran pengajian dan bayaran lain tidak lebih dari 30%.<br><br>• Yuran pengajian dan bayaran lain yang baru boleh dikuatkuasakan pada tahun berikutnya.<br><br>• Senarai yuran dan bayaran lain yang diluluskan hendaklah dipamerkan di tempat | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 – P.U.(A) 534/97. |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | | yang mudah dilihat di tadika itu dan hendaklah juga dimasukkan di dalam prospektus institusi. | |
| 8. | Hak milik | o) Institusi hendaklah dimiliki oleh warganegara Malaysia sahaja.<br><br>p) Pemilikan perniagaan hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sama ada di bawah Pendaftaran Perniagaan (ROB) atau Pendaftaran Syarikat (ROC).<br><br>q) Bagi syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Malaysia, ia dikehendaki mendaftar sebuah anak syarikat sebagai sebuah Syarikat Sendirian Berhad. Syarikat yang disenaraikan itu dibenarkan memiliki saham sehingga 70% ekuiti dalam anak syarikat itu, dan mengekalkan pemilikan ekuiti bumiputera 30%. | • Warganegara asing tidak dibenarkan bagi mengusahakan sekolah gaya pos.<br><br>• Jika institusi itu ditubuhkan di bawah nama syarikat (ROC), ia hendaklah mempunyai ekuiti minimum Bumiputera sekurang-kurangnya 30%.<br><br>• Sebarang pindaan struktur ekuiti/ perubahan pemegang saham/ pindah hak milik mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Aktiviti-aktiviti syarikat berkaitan pendidikan mesti jelas dinyatakan di dalam *Memorandum and Article*s (M&A). | |
| 9. | Modal | e) Modal yang dibenarkan dan modal berbayar syarikat yang dimiliki sesebuah institusi hendaklah menggambarkan keupayaan yang mencukupi bagi menubuhkan sesebuah institusi.<br><br>f) Maklumat berkaitan pemegang saham syarikat hendaklah | a. Modal berbayar yang dimiliki sesebuah syarikat yang memiliki institusi hendaklah sekurang-kurangnya RM 50,000.00.<br><br>b. Modal dalam bentuk saham tidak boleh diterima sebagai bukti keupayaan kewangan. | Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran IPS/BPSG, 1994. |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | disertakan dengan dokumen-dokumen yang berkaitan. | | |
| 10. | Lembaga Pengelola | n) Ahli Lembaga Pengelola mesti warganegara Malaysia.<br><br>o) Ahli Lembaga Pengelola mestilah bebas daripada tindakan mahkamah.<br><br>p) Ahli-ahli Lembaga Pengelola hendaklah berdaftar dengan Ketua Pendaftar dan membayar fee yang dikenakan.<br><br>q) Bilangan minimum Ahli Lembaga Pengelola Sekolah adalah lima (5) orang. | • Pengurusan institusi mestilah berdasarkan suratcara pengelolaannya.<br><br>• Sebarang perubahan pada Ahli Lembaga Pengelola mesti mendapat kebenaran daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Fee:<br>Permohonan: RM 5<br>Permit Pengelola: RM 2 (sah laku permit selama setahun). | Seksyen 53(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 88(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| 11. | Guru | t) Guru-guru mestilah warganegara Malaysia yang berdaftar & berkelayakan sekurang-kurangnya di peringkat SPM atau yang setaraf dengannya, serta mempunyai kelayakan profesional.<br><br>u) Guru hendaklah berdaftar dan membayar fee yang dikenakan.<br><br>v) Permit Mengajar hanya sah untuk institusi yang dipohon sahaja.<br><br>w) Guru mesti lulus tapisan keselamatan Polis. | • Guru-guru berdaftar dibenarkan berkhidmat pada umur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun. Selepas usia 60 tahun boleh dilantik secara kontrak tahunan jika perlu.<br><br>• Fee:<br>Permohonan: RM 5<br>Permit Mengajar: RM 2 (sah laku permit selama setahun).<br><br>• Pengeluaran Permit Mengajar adalah tertakluk oleh kelulusan Ketua Pendaftar.<br><br>• Tapisan keselamatan polis adalah untuk memastikan guru bebas daripada rekod jenayah. | Seksyen 103, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 114 Akta, Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 4/1995: Permohonan Perakuan Pendaftaran Guru (PPG) – 26.4.1995.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 5/1995: Permohonan Permit Mengajar Bagi Guru-Guru Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (IPS) – 26.4.1995. |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 12. | Kemudahan dan Peralatan untuk penerbitan bahan pengajaran | Sekolah gaya pos hendaklah mempunyai peralatan yang mencukupi untuk menyediakan bahan cetak atau menerbitkan bahan-bahan pengajaran. | Peralatan dan bahan pengajaran yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan keperluan pembelajaran. | Seksyen 84, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| 13. | Kerjasama pihak pengurusan syarikat dengan pihak pengurusan institusi | Pihak pengurusan syarikat mesti bekerjasama dengan pengurusan institusi. | Pengurusan kewangan untuk tujuan belanja mengurus seperti;<br>• Gaji guru / kakitangan<br>• Peralatan<br>• Bahan P&P | |
| 14. | Pengiklanan | Tiada seorang pun boleh mempromosi sesuatu institusi pendidikan sama ada melalui iklan, prospektus, risalah atau selainnya kecuali telah didaftarkan atau Perakuan Pendaftaran Sementara telah dikeluarkan. | Pengiklanan yang dikeluarkan mestilah mengikut garis panduan pengiklanan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. | Seksyen 86, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Iklan) 1998 - P.U.(A) 229/98. |

## SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN CINA

### TAFSIRAN SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN CINA (SMPC):

Sesuatu institusi pendidikan yang menawarkan program pendidikan peringkat menengah yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar untuk menjalankan program pendidikan yang dikawalselia oleh *Malaysian Independent Chinese Secondary School* (MICSS) *Examination Board*.

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Penubuhan dan Pendaftaran SMPC | Bilangan SMPC yang sedia ada sebanyak 60 buah dikekalkan tanpa sebarang dasar untuk penambahan atau pengurungan bilangannya. | • Setiap SMPC hendaklah adalah berdaftar dengan Kementerian Pelajaran.<br>• Pendaftaran SMPC hendaklah selaras dengan Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.<br>• Perakuan Pendaftaran sah untuk tempoh 5 tahun.<br>• Fee permohonan membaharui Perakuan Pendaftaran RM 100.<br>• Permohonan memperbaharui Perakuan Pendaftaran hendaklah dibuat 30 hari sebelum tamat tempoh sah lakunya. | Subseksyen 79(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 10/1995: Memperhabarui Sijil Pendaftaran Sekolah / Institusi (26.4.1995).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG Bil. 14/1995: Menaikkan Bendera Asing Di Hadapan Bangunan Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (27.9.1995). |
| 2. | Nama Institusi | SMPC tidak dibenarkan untuk memohon menukar nama institusi. | Nama SMPC adalah seperti yang telah didaftarkan terdahulu. | |
| 3. | Bahasa Pengantar | SMPC menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar utama. | Mata pelajaran Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris hendaklah diajarkan kepada murid-murid selama tidak kurang dua jam seminggu bagi setiap mata pelajaran. | |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 4. | Kurikulum | SMPC menggunakan kurikulum yang dikawalselia oleh *Malaysian Independent Chinese Secondary School* (MICSS) *Examination Board*. | • Mata pelajaran yang diajar adalah mengikut keperluan kurikulum berkenaan.<br>• Pendidikan Islam hendaklah diajar jika di institusi pendidikan mempunyai sekurang-kurangnya 5 orang pelajar beragama Islam, dan diajar sekurang-kurangnya 2 jam seminggu. | Seksyen 50(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Pekeliling Pentadbiran BPSG 1/1995: Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) Di Sekolah Swasta (10.4.1995). |
| 5. | Peperiksaan | Setiap murid SMPC yang didaftarkan akan menduduki peperiksaan *Unified Examination Certificate* (UEC) pada peringkat *junior* dan *senior*. | Peperiksaan adalah dikendalikan oleh *Malaysian Independent Chinese Secondary School* (MICSS) *Examination Board*. | Subseksyen 69(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| 6. | Pengurusan | | | |
| | (bb) Sesi belajar | Sistem penggal dan cuti sekolah tertakluk kepada sistem yang dilaksanakan oleh kurikulum yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar. | Bilangan hari persekolahan hendaklah seperti mana kehendak kurikulum yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar. | Surat Pekeliling Pentadbiran JPS Bil.3/1997: Waktu Persekolahan Dalam Bulan Puasa Di Institusi Pendidikan Swasta (28.11.1997). |
| | (cc) Pengurusan murid | • Sekolah disarankan mempunyai 'student hand book'.<br>• Setiap sekolah perlu mempunyai tatacara disiplin murid. | Dokumen berkenaan boleh menjadi bahan rujukan kepada ibu bapa dan penjaga. | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Disiplin Murid) 1998 – P.U.(A) 167/98. |
| | (dd) Surat Cara pengelolaan | Tiap-tiap institusi hendaklah mempunyai surat cara pengelolaan yang dipersetujui oleh Ketua Pendaftar. | • Menubuhkan suatu Lembaga Pengelola bagi pengurusan IPS sebelum dibenarkan berdaftar dan beroperasi.<br>• Ahli Lembaga Pengelola hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya lima (5) orang termasuk pengerusi dan berdaftar. | Seksyen 53, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Subseksyen 88(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| | (ee) Rekod | Setiap sekolah rendah / menengah perlu mempunyai rekod | • Buku pendaftaran murid perlu dikemas kini supaya boleh dibuat | Seksyen 98, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | Pendaftaran Murid | pendaftaran murid. | semakan dan cabutan.<br>• Sekolah rendah / menengah perlu mempunyai rekod kehadiran murid. | |
| | (ff) Buku Rekod Guru | Buku rekod guru hendaklah disenggara dengan baik. | • Buku rekod guru sentiasa dikemas kini supaya boleh dibuat semakan.<br>• Buku rekod guru hendaklah disenggara dengan baik oleh sekolah. | |
| | (gg) Aktiviti luar murid. | Setiap sekolah adalah bertanggungjawab terhadap keselamatan murid untuk program luar sekolah dan perlu mematuhi peraturan-peraturan sedia ada. | Program luar sekolah seperti lawatan sambil belajar mesti dimaklumkan kepada Pendaftar Sekolah dan Guru di JPN masing-masing, serta mematuhi aspek keselamatan termasuk perlindungan insurans. | |
| | (hh) Keselamatan, kesihatan dan kebersihan | Setiap sekolah mesti mengutamakan keselamatan, kesihatan dan kebersihan murid. | Setiap sekolah hendaklah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh 3 agensi:<br>• Pihak Berkuasa Tempatan<br>• Bomba dan Penyelamat<br>• Pejabat Kesihatan | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Piawaian) 1998 - P.U.(A) 219/98.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran 1/1998: Penjagaan Kebersihan dan Kesihatan Sekolah Swasta dan Tadika Swasta (3.4.1998). |
| | (ii) Perekrutan Pelajar Antarabangsa | Institusi yang ingin merekrut pelajar antarabangsa mestilah mendapat syor KPM dan kelulusan KHEDN. | Permohonan perekrutan pelajar antarabangsa mestilah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran dan KHEDN. | Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002). |
| 7. | Persatuan Ibu, Bapa dan Guru (PIBG) | Setiap sekolah adalah digalakkan untuk menubuhkan PIBG dan berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan. | Garis panduan penubuhan PIBG adalah seperti sekolah kerajaan yang mengambil kira aspek:<br>• Perlembagaan<br>• Keahlian<br>• Pendaftar Pertubuhan (ROS) | |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 8. | Lokasi | a) Lokasi institusi hendaklah sesuai dengan iklim pengajaran pembelajaran, keselamatan, kesihatan dan lain-lain<br><br>b) Pemindahan lokasi hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan yang bertulis daripada Ketua Pendaftar. | Lokasi yang sesuai adalah seperti berikut:<br><br>• Tiada gangguan atau ancaman bahan kimia atau kotoran sampah.<br><br>• Tidak berdekatan dengan pusat hiburan, perjudian, rekreasi atau pasar.<br><br>• Tidak berdekatan dengan tempat yang mudah terbakar, bengkel yang bising, sungai atau bangunan lama.<br><br>• Tidak terlalu dekat dengan institusi lain yang mengendalikan kursus yang serupa. | Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta, Tahun 1994. |
| 9. | Premis | l) Premis yang digunakan bagi sekolah hendaklah sesuai dan selamat serta boleh didaftarkan sebagai sebuah sekolah.<br><br>m) Sebarang penambahan atau perpindahan premis hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar. | • Sekolah mesti beroperasi di kawasan dan premis yang telah diluluskan oleh Ketua Pendaftar sahaja.<br><br>• Premis sekolah hanya dibenarkan menjalankan aktiviti pendidikan sahaja. Persetujuan dari Ketua Pendaftar hendaklah diperoleh jika hendak mengendalikan program selain daripada aktiviti pendidikan.<br><br>• Piawaian yang telah ditetapkan bagi premis adalah:<br>▪ Penyenggaraan<br>▪ Pencahayaan, pengudaraan dan ruang premis<br>▪ Bilik darjah<br>▪ Kemudahan asas<br>▪ premis<br>▪ Pengubahsuaian premis<br>▪ Keselamatan dan kesihatan<br>▪ Kegunaan premis<br>▪ Pengubahsuaian | Subseksyen 83(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Piawaian) 1998 - P.U.(A) 219/98.<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 - P.U.(A) 534/97. |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | | premis | |
| 10. | Yuran Pengajian dan Bayaran Lain | i) Kadar yuran pengajian dan bayaran lain hendaklah berpatutan dan diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>j) Sebarang kenaikan yuran dan bayaran lain hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar terlebih dahulu. | • Kenaikan yuran pengajian dan bayaran lain boleh dipertimbangkan selepas 3 tahun.<br><br>• Notis 3 bulan hendaklah dimaklumkan kepada ibu bapa.<br><br>• Kadar kenaikan yuran pengajian dan bayaran lain tidak lebih dari 30%.<br><br>• Yuran pengajian dan bayaran lain yang baru boleh dikuatkuasakan pada tahun berikutnya.<br><br>• Senarai yuran dan bayaran lain yang diluluskan hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di tadika itu dan hendaklah juga dimasukkan di dalam prospektus sekolah. | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 – P.U.(A) 534/97. |
| 11. | Hak milik | SMPC adalah dimiliki oleh Lembaga Pengurus yang diluluskan oleh Menteri. | Warganegara asing tidak dibenarkan memiliki apa-apa ekuiti SMPC. | |
| 12. | Lembaga Pengelola | r) Ahli Lembaga Pengelola yang dilantik hendaklah warganegara Malaysia sahaja.<br><br>s) Pengerusi Lembaga Pengelola yang dilantik hendaklah warganegara Malaysia sahaja.<br><br>t) Ahli Lembaga Pengelola mestilah bebas daripada tindakan mahkamah.<br><br>u) Ahli-ahli Lembaga Pengelola hendaklah | • Pengurusan institusi mestilah berdasarkan suratcara pengelolaannya.<br><br>• Sebarang perubahan pada Ahli Lembaga Pengelola mesti mendapat kebenaran daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Fee:<br>Permohonan: RM 5<br>Permit Pengelola: RM 2<br>(sah laku permit selama setahun). | KP(BPSG)5195/396/(2) 26.04.1995.<br><br>Seksyen 53(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 88(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | berdaftar dengan Ketua Pendaftar dan membayar fee yang dikenakan.<br><br>v) Bilangan minimum Ahli Lembaga Pengelola Sekolah adalah lima (5) orang. | | |
| 13. | Pengetua Sekolah | j) Pengetua sekolah hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia dan hendaklah mempunyai kelayakan dan pengalaman bersesuaian dalam bidang pendidikan.<br><br>k) Pengetua yang dilantik hendaklah diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>l) Pengetua mesti mempunyai Perakuan Pendaftaran atau Permit Mengajar. | ▪ Kelayakan minimum ijazah pertama dalam bidang pendidikan dan mempunyai pengalaman luas dalam pengurusan pendidikan.<br><br>▪ Sebarang pertukaran pengetua mesti mendapat kebenaran daripada Ketua Pendaftar.<br><br>▪ Semua Pengetua yang dilantik hendaklah bebas dari sebarang tindakan mahkamah dan lulus tapisan keselamatan Polis Diraja Malaysia.<br><br>▪ Pengetua yang dilantik hendaklah berusia tidak melebihi 66 tahun. | Seksyen 103, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| 14. | Guru | x) Guru-guru yang dilantik hendaklah warganegara Malaysia dan berkelayakan sekurang-kurangnya di peringkat ijazah pertama bidang pendidikan.<br><br>y) Guru hendaklah berdaftar dan membayar fee yang dikenakan.<br><br>z) Permit Mengajar hanya sah untuk institusi yang dipohon sahaja. | • Guru-guru berdaftar dibenarkan berkhidmat pada umur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun. Selepas usia 60 tahun boleh dilantik secara kontrak tahunan jika perlu.<br><br>• Fee:<br>Permohonan: RM 5<br>Permit Mengajar: RM 2 (sah laku permit selama setahun).<br><br>• Kelulusan Permit Mengajar oleh Ketua Pendaftar tertakluk kepada tahap kesihatan | Seksyen 103, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 114 Akta, Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 4/1995: Permohonan Perakuan Pendaftaran Guru (PPG) – 26.4.1995.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 5/1995: Permohonan Permit Mengajar Bagi Guru-Guru Sekolah / |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | aa) Guru mesti mendapat perakuan kesihatan daripada doktor perubatan yang bertauliah.<br><br>bb) Guru mesti lulus tapisan keselamatan Polis. | dan perkara-perkara lain yang difikirkan sesuai.<br><br>• Perakuan kesihatan adalah untuk memastikan guru sihat dari segi mental dan fizikal.<br><br>• Tapisan keselamatan polis adalah untuk memastikan guru bebas daripada rekod jenayah. | Institusi Pendidikan Swasta (IPS) – 26.4.1995. |
| 15. | Kemudahan Peralatan (termasuk bilik darjah dan bilik khas) | s) Kemudahan dan peralatan yang disediakan hendaklah bersesuaian sebagai sekolah menengah seperti yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>t) Kemudahan tandas yang berasingan untuk kegunaan murid mestilah disediakan.<br><br>u) Kemudahan-kemudahan untuk rekreasi dan kokurikulum hendaklah disediakan bagi kegunaan murid.<br><br>v) Semua bilik khas mesti bersesuaian dengan kurikulum / kursus pendidikan yang dianjurkan.<br><br>w) Perpustakaan hendaklah lengkap dan bersesuaian dengan kurikulum / kursus pendidikan yang dianjurkan. | ▪ Institusi ini mesti mempunyai kemudahan pembelajaran yang sesuai dengan kursus yang ditawarkan.<br><br>▪ Bahan-bahan pembelajaran mestilah selamat digunakan. | Seksyen 84, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) Piawaian) 1998, P.U.(A) 219/98. |
| 16. | Pengambilan Murid | SMPC hanya dibenarkan mengambil murid-murid berusia 12+ tahun dan ke atas untuk kemasukannya, sama ada murid | • SMPC boleh mengambil pelajar asing selepas mendapat kelulusan KHEDN untuk merekrut murid asing. | Akta Imigresen 1969/63 (Pindaan 2002). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | warganegara atau bukan warganegara. | • Permohonan untuk perekrutan murid asing boleh dikemukakan kepada Jabatan KHEDN mendapat perakuan JPS. | |
| 17. | Pengiklanan | Tiada seorang pun boleh mempromosi sesuatu institusi pendidikan sama ada melalui iklan, prospektus, risalah atau selainnya kecuali telah didaftarkan atau Perakuan Pendaftaran Sementara telah dikeluarkan. | Pengiklanan yang dikeluarkan mestilah mengikut garis panduan pengiklanan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. | Seksyen 86, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Iklan) 1998 - P.U.(A) 229/98. |

## TAMAN DIDIKAN KANAK-KANAK
## (TADIKA)

---

### TAFSIRAN TAMAN DIDIKAN KANAK-KANAK (TADIKA):

Sesuatu institusi pendidikan yang mengendalikan pendidikan prasekolah bagi sepuluh orang murid atau lebih yang berusia antara 4 - 6 tahun dengan menggunakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan.

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Penubuhan Tadika | Penubuhan tadika hendaklah selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan dasar persyarikatan Malaysia. | Penubuhan tadika digalakkan selaras dengan keperluan dan permintaan setempat terhadap pendidikan kanak-kanak dalam lingkungan usia 4 – 6 tahun. | Subseksyen 20(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) |
| 2. | Pendaftaran Tadika | q) Pendaftaran tadika hendaklah selaras dengan Akta Pendidikan 1996 dan Kaedah-Kaedah Pelajaran (Kindergarten dan Sekolah Asuhan) (Pendaftaran) 1972 - P.U.(A) 414/72.<br><br>r) Perakuan Pendaftaran hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis institusi itu.<br><br>s) Sebarang pindaan kepada syarat-syarat berkaitan pendaftaran hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pendaftar.<br><br>t) Perakuan Pendaftaran tidak boleh dipindah milik. | • Setiap permohonan pendaftaran tadika hendaklah dibuat dalam Borang B Kaedah 5 disertai fee yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Pendidikan.<br><br>• Fee permohonan pendaftaran RM 5.<br><br>• Fee pengeluaran Perakuan Pendaftaran RM 2.<br><br>• Perakuan Pendaftaran sah untuk tempoh 1 tahun.<br><br>• Permohonan memperbaharui Perakuan Pendaftaran hendaklah dibuat 30 hari sebelum tamat tempoh sah lakunya. | Subseksyen 79(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 82(2), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Kaedah-Kaedah Pelajaran (Kindergarten dan Sekolah Asuhan) (Pendaftaran) 1972 - P.U.(A) 414/72.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 6/1995: Pendaftaran TADIKA Di Bawah Aakta Pelajaran 1961 (26.4.1995).<br><br>Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru Bil. 1/2001: Permohonan Pendaftaran, Perakuan Sementara Pendaftaran dan Membaharui Pendaftaran Institusi Pendidikan Prasekolah |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | | | (20.2.2001).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG Bil. 14/1995: Menaikkan Bendera Asing Di Hadapan Bangunan Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (27.9.1995). |
| 3. | Nama Institusi | Nama institusi yang dicadangkan sesuai serta mengutamakan Bahasa Melayu, mempunyai unsur-unsur pendidikan dan bercirikan Malaysia. | a) Nama institusi hendaklah dalam bahasa Melayu, bermula dengan "Tadika" dan diikuti dengan nama yang dicadangkan.<br><br>b) Nama orang kenamaan tempatan yang telah meninggal dunia boleh digunakan dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada warisnya. Lain-lain nama yang tidak boleh digunakan termasuklah yang berikut:<br>• nama orang kenamaan yang masih hidup,<br>• nama tempat,<br>• nama jalan,<br>• nama singkatan,<br>• nama yang tidak mempunyai makna.<br>• Nama institusi-institusi pendidikan yang terkenal sama ada di dalam atau luar negeri.<br>• Nama yang menggunakan "yayasan / politeknik". | Seksyen 84(c), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran 13/1995: Penamaan Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (26.04.1995).<br><br>Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta , Tahun 1994. |
| 4. | Bahasa Pengantar | a) Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua tadika.<br><br>b) Pengecualian daripada Bahasa Kebangsaan sebagai | Jika sesuatu tadika menggunakan bahasa pengantar selain Bahasa Kebangsaan, maka Bahasa Kebangsaan hendaklah diajarkan sebagai mata pelajaran wajib. | Seksyen 17, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 23, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | bahasa pengantar hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pendaftar. | | |
| 5. | Kurikulum | f) Kurikulum Prasekolah Kebangsaan hendaklah digunakan oleh semua tadika. 6 komponen Kurikulum Prasekolah Kebangsaan:<br>a. Bahasa dan Komunikasi<br>b. Perkembangan Kognitif<br>c. Pendidikan Kerohanian dan Moral<br>d. Perkembangan Sosio-Emosi<br>e. Perkembangan Fizikal<br>f. Kreativiti dan Estetika<br><br>g) Sebarang kurikulum tambahan kepada Kurikulum Prasekolah Kebangsaan hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pendaftar. | f) Program dan aktiviti tadika hendaklah berasaskan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan.<br><br>g) Pendekatan pengajaran dan pembelajaran berasaskan:<br>• Bermain sambil belajar<br>• Bersepadu<br>• bertema<br><br>h) Pengelolaan pengajaran dan pembelajaran berasaskan:<br>• Aktiviti individu<br>• Aktiviti kumpulan<br>• Aktiviti kelas | Subseksyen 18(2), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)<br><br>Subseksyen 50(1), akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Prasekolah Kebangsaan) 2002 – P.U.(A) 519/02. |
| 6. | Peruntukan masa mata pelajaran | i) Tadika hendaklah memperuntukkan tempoh masa minimum 3 jam pada setiap hari persekolahan untuk murid-murid.<br><br>j) Pengajaran Bahasa Kebangsaan sekurang-kurangnya 2 jam seminggu.<br><br>k) Pengajaran Bahasa Inggeris sekurang-kurangnya 2 jam seminggu (bahasa pengantar adalah | Pengajaran dan pembelajaran tiap-tiap tadika hendaklah mengikut tempoh masa yang ditetapkan. | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Prasekolah Kebangsaan) 2002 – P.U.(A) 519/02. |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | Bahasa Kebangsaan) atau 1 jam seminggu (bahasa pengantar adalah Bahasa Cina dan Bahasa Tamil). | | |
| 7. | Penilaian | Penilaian secara berterusan tentang perkembangan murid hendaklah dilakukan dan direkodkan. | Guru hendaklah merekodkan penilaian murid-murid secara berterusan semua elemen asas Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Prasekolah Kebangsaan) 2002 – P.U.(A) 519/02. |
| | Pengurusan | | | |
| | (jj) Penggal Sekolah | Sistem penggal dan cuti tadika tertakluk kepada sistem yang dilaksanakan ke atas sekolah-sekolah kerajaan. | Bilangan hari persekolahan hendaklah sekurang-kurangnya 190 hari dalam tahun kalendar. | Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 6/1995: Pendaftaran TADIKA Di Bawah Aakta Pelajaran 1961 (26.4.1995). |
| | (kk) Pengurusan murid | • Tadika disarankan mempunyai 'student hand book'.<br>• Setiap tadika perlu mempunyai tatacara disiplin murid. | Dokumen berkenaan boleh menjadi bahan rujukan kepada ibu bapa dan penjaga. | |
| | (ll) Surat Cara pengelolaan | Tiap-tiap tadika hendaklah mempunyai surat cara pengelolaan yang dipersetujui oleh Ketua Pendaftar. | • Menubuhkan suatu Lembaga Pengelola bagi pengurusan tadika sebelum dibenarkan berdaftar dan beroperasi.<br>• Ahli Lembaga Pengelola hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya tiga (3) orang termasuk pengerusi dan berdaftar. | Seksyen 53, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br>Subseksyen 88(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| | (mm) Rekod Pendaftaran Murid | Setiap tadika perlu mempunyai rekod pendaftaran murid. | • Buku pendaftaran murid perlu dikemas kini supaya boleh dibuat semakan dan cabutan.<br>• Tadika perlu mempunyai rekod kehadiran murid.<br>• Buku rekod guru sentiasa dikemas kini supaya boleh dibuat semakan. | Seksyen 98, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | (nn) Buku Rekod Guru | Buku rekod guru hendaklah disenggara dengan baik. | • Buku rekod guru hendaklah disenggara dengan baik oleh sekolah. | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Prasekolah Kebangsaan): P.U.(A) 519/02. |
| | (oo) Aktiviti luar murid | Setiap tadika adalah bertanggungjawab terhadap keselamatan murid untuk program luar tadika dan perlu mematuhi peraturan-peraturan sedia ada. | Program luar tadika seperti lawatan sambil belajar mesti dimaklumkan kepada Pendaftar Sekolah dan guru di JPN masing-masing, serta mematuhi aspek keselamatan termasuk perlindungan insurans. | Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru Bil. 2/2006: Kewajipan Guru-Guru Di Tadika Swasta Untuk Menyediakan Buku Rekod Guru (14.4.2006). |
| | (pp) Keselamatan, kesihatan dan kebersihan | Setiap tadika mesti mengutamakan keselamatan, kesihatan dan kebersihan murid. | Setiap tadika hendaklah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh 3 agensi:<br>• Pihak Berkuasa Tempatan<br>• Bomba dan Penyelamat<br>• Pejabat Kesihatan<br><br>Pembantu Guru hendaklah mendapatkan pemeriksaan kesihatan sebagai penyedia makanan. | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Piawaian) 1998 - P.U.(A) 219/98<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran 1/1998: Penjagaan Kebersihan dan Kesihatan Sekolah Swasta dan Tadika Swasta (3.4.1998). |
| | (qq) Pengurusan Penyediaan Makanan | Tadika yang menyediakan makanan mestilah menyediakan makanan yang seimbang dan berkhasiat mengikut menu yang telah dipersetujui oleh Ketua Pendaftar. | Mana-mana orang yang terlibat dalam penyediaan makanan di tadika mestilah menjalani pemeriksaan kesihatan serta diwajibkan mengahadiri kursus penyediaan makanan yang dikendalikan oleh pihak berkuasa.<br><br>Makanan yang disediakan untuk murid tadika adalah halal dan sensitif kepada kepercayaan agama. | |
| 8. | Persatuan Ibu, Bapa dan Guru (PIBG) | Setiap tadika adalah digalakkan untuk menubuhkan PIBG dan berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan. | Garis panduan penubuhan PIBG adalah seperti sekolah kerajaan yang mengambil kira aspek:<br>• Perlembagaan<br>• Keahlian<br>• Pendaftaran persatuan di bawah Pendaftar Pertubuhan (ROS) | |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
| --- | --- | --- | --- | --- |
| 9. | Kerjasama pihak pengurusan syarikat dengan pihak pengurusan institusi. | Pihak pengurusan syarikat mesti bekerjasama dengan pengurusan institusi. | Pengurusan kewangan untuk tujuan belanja mengurus seperti;<br>• Gaji guru / kakitangan<br>• Peralatan<br>• Bahan P&P<br>• Kokurikulum | |
| 10. | Lokasi | a) Lokasi institusi hendaklah sesuai dengan iklim pengajaran pembelajaran, keselamatan, kesihatan dan lain-lain.<br><br>b) Pemindahan lokasi hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan yang bertulis daripada Ketua Pendaftar. | Lokasi yang sesuai adalah seperti berikut:<br><br>• Tiada gangguan atau ancaman bahan kimia atau kotoran sampah.<br><br>• Tidak berdekatan dengan pusat hiburan, perjudian, rekreasi atau pasar.<br><br>• Tidak berdekatan dengan tempat yang mudah terbakar, bengkel yang bising, sungai atau bangunan lama.<br><br>• Tidak terlalu dekat dengan institusi lain yang mengendalikan kursus yang serupa. | Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta , Tahun 1994.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 6/1995: Pendaftaran TADIKA Di Bawah Akta Pelajaran 1961 (26.4.1995). |
| 11. | Premis | n) Premis yang digunakan bagi tadika hendaklah sesuai dan selamat serta boleh didaftarkan sebagai sebuah tadika.<br><br>o) Sebarang penambahan/ perpindahan premis/penubuhan cawangan hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar.<br><br>p) Premis tadika hanya untuk pendidikan prasekolah sahaja. | • Melainkan jika pihak berkuasa tempatan telah menetapkan premis bagi institusi tadika, maka tadika yang beroperasi di kawasan perumahan hendaklah di premis lot tepi atau premis mempunyai kawasan tanah lapang yang mencukupi untuk aktiviti murid tadika di premis bekenaan.<br><br>• Piawaian yang telah ditetapkan adalah:<br>➢ Penyenggaraan<br>➢ Pencahayaan, pengudaraan dan ruang premis<br>➢ Bilik darjah | Subseksyen 83(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Piawaian) 1998 - P.U.(A) 219/98.<br><br>Kaedah-Kaedah Pelajaran (Kindergarten dan Sekolah Asuhan) (Pendaftaran) 1972 - P.U.(A) 414/72.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 6/1995: Pendaftaran TADIKA Di Bawah Aakta Pelajaran 1961 (26.4.1995). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | | ➢ Kemudahan asas<br>➢ Keselamatan dan kesihatan<br>➢ Kegunaan premis<br>➢ Pengubahsuaian premis | |
| 12. | Yuran Pengajian dan Bayaran Lain | k) Jenis dan kadar yuran hendaklah berpatutan dan diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>l) Sebarang kenaikan yuran perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar terlebih dahulu. | a. Kenaikan yuran pengajian boleh dipertimbangkan selepas 3 tahun.<br><br>b. Notis 3 bulan hendaklah dimaklumkan kepada ibu bapa.<br><br>c. Kadar kenaikan yuran pengajian tidak lebih dari 30%.<br><br>d. Yuran baru boleh dikuatkuasakan pada tahun berikutnya.<br><br>e. Senarai yuran dan bayaran lain yang diluluskan hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di tadika itu dan hendaklah juga dimasukkan di dalam prospektus tadika. | Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 6/1995: Pendaftaran TADIKA Di Bawah Aakta Pelajaran 1961 (26.4.1995). |
| 13. | Hak milik | r) Institusi hendaklah dimiliki oleh warganegara Malaysia sahaja, melainkan tadika ekspatriat / antarabangsa.<br><br>s) Tadika boleh dimiliki oleh individu atau kumpulan orang atau syarikat berdaftar.<br><br>t) Tadika boleh dimiliki oleh pertubuhan / persatuan yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis. | • Warganegara asing tidak dibenarkan bagi mengusahakan tadika.<br><br>• Jika institusi itu ditubuhkan di bawah nama syarikat (ROC), ia hendaklah mempunyai ekuiti minimum Bumiputera sekurang-kurangnya 30%.<br><br>• Sebarang pindaan struktur ekuiti/ perubahan pemegang saham/ pindah hak milik mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Aktiviti-aktiviti syarikat | Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 6/1995: Pendaftaran TADIKA Di Bawah Aakta Pelajaran 1961 (26.4.1995). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | u) Pemilikan perniagaan hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sama ada di bawah Pendaftaran Perniagaan (ROB) atau Pendaftaran Syarikat (ROC).<br><br>v) Bagi syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Malaysia, ia dikehendaki mendaftar sebuah anak syarikat sebagai sebuah Syarikat Sendirian Berhad. Syarikat yang disenaraikan itu dibenarkan memiliki saham sehingga 70% ekuiti dalam anak syarikat itu, dan mengekalkan pemilikan ekuiti bumiputera 30%. | berkaitan pendidikan mesti jelas dinyatakan di dalam *Memorandum and Article*s (M&A).<br><br>• Bagi persatuan / pertubuhan yang hendak menjalankan aktiviti pendidikan, maka perlembagaan persatuan / pertubuhan berkenaan hendaklah menyatakannya dengan jelas seperti yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS). | |
| 14. | Modal | Modal untuk menubuhkan tadika hendaklah menggambarkan keupayaan yang mencukupi bagi mengoperasi sesebuah tadika. | • Modal berbayar yang dimiliki individu atau kumpulan orang atau syarikat hendaklah sekurang-kurangnya RM 10,000.00.<br><br>• Modal dalam bentuk saham tidak boleh diterima sebagai bukti keupayaan kewangan. | Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran IPS/BPSG, 1994. |
| 15. | Lembaga Pengelola | w) Ahli Lembaga Pengelola mesti warganegara Malaysia.<br><br>x) Ahli Lembaga Pengelola mestilah bebas daripada tindakan mahkamah.<br><br>y) Ahli-ahli Lembaga Pengelola hendaklah | • Pengurusan tadika mestilah berdasarkan suratcara pengelolaannya.<br><br>• Sebarang perubahan pada Ahli Lembaga Pengelola mesti mendapat kebenaran daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Fee: | Subseksyen 53(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Subseksyen 88(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | berdaftar dengan Ketua Pendaftar dan membayar fee yang dikenakan.<br><br>z) Bilangan minimum Ahli Lembaga Pengelola tadika adalah tiga (3) orang. | Permohonan: RM 5<br>Permit Pengelola: RM 2<br>(sah laku permit selama setahun) | |
| 16. | Guru Besar Tadika | m) Guru Besar tadika mesti warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan dan pengalaman bersesuaian dalam bidang pendidikan.<br><br>n) Guru Besar yang dilantik hendaklah diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>o) Guru Besar mesti mempunyai Perakuan Pendaftaran atau Permit Mengajar. | • Kelayakan minimum Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau lain-lain kelayakan yang setaraf dengannya.<br><br>• Sebarang pertukaran guru besar mesti mendapat kebenaran daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Semua guru besar yang dilantik hendaklah bebas dari sebarang tindakan mahkamah dan lulus tapisan keselamatan Polis Diraja Malaysia.<br><br>• Guru Besar yang dilantik hendaklah berusia tidak melebihi 66 tahun. | Seksyen 103, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| 17. | Guru | cc) Guru-guru mestilah warganegara Malaysia yang berkelayakan sekurang-kurangnya di peringkat SPM atau yang setaraf dengannya, serta mempunyai kelayakan profesional.<br><br>dd) Guru tadika hendaklah berdaftar dan membayar fee pendaftaran yang dikenakan.<br><br>ee) Permit Mengajar hanya sah untuk institusi yang dipohon sahaja. | • Guru-guru berdaftar dibenarkan berkhidmat pada umur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun. Selepas usia 60 tahun boleh dilantik secara kontrak tahunan jika perlu.<br><br>• Fee:<br>Permohonan: RM 5<br>Permit Mengajar: RM 2<br>(sah laku permit selama setahun).<br><br>• Kelulusan Permit Mengajar oleh Ketua Pendaftar tertakluk kepada tahap kesihatan dan perkara-perkara lain yang difikirkan sesuai. | Seksyen 103, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 114, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seskyen 116, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 4/1995: Permohonan Perakuan Pendaftaran Guru (PPG) – 26.4.1995.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 5/1995: Permohonan |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | ff) Tadika mesti mempunyai guru Pendidikan Islam bertauliah untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam.<br><br>gg) Guru mesti mendapat perakuan kesihatan daripada doktor perubatan yang bertauliah.<br><br>hh) Guru mesti lulus tapisan keselamatan Polis.<br><br>ii) Seseorang guru tadika dihadkan mengawal tidak lebih daripada 25 orang murid pada sesuatu masa dengan dibantu oleh seorang pembantu guru.<br><br>jj) Guru hendaklah melaporkan kepada Ketua Pendaftar tentang tarikh mula dan tarikh berhenti mengajar di tadika dalam tempoh 14 hari. | • Guru Pendidikan Islam hendaklah mempunyai Perakuan Pendaftaran atau Permit Mengajar.<br><br>• Perakuan kesihatan adalah untuk memastikan guru sihat dari segi mental dan fizikal.<br><br>• Tapisan keselamatan polis adalah untuk memastikan guru bebas daripada rekod jenayah.<br><br>• Guru dan pembantu guru hendaklah berdaftar atau mempunyai Permit Mengajar.<br><br>• Laporan mula mengajar dan berhenti hendaklah dilakukan secara bertulis kepada Ketua Pendaftar. | Permit Mengajar Bagi Guru-Guru Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (IPS) – 26.4.1995.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 6/1995: Pendaftaran TADIKA Di Bawah Aakta Pelajaran 1961 (26.4.1995). |
| 18. | Pembantu Guru | a) Setiap kelas tadika hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya seorang pembantu guru yang berdaftar.<br><br>b) Pembantu guru hendaklah mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya PMR atau yang setaraf dengannya.<br><br>c) Pembantu guru hendaklah didaftar sebagai seorang pekerja dan | • Pembantu guru hendaklah mengikuti kursus latihan dalam penjagaan dan pendidikan kanak-kanak.<br><br>• Fee:<br>Permohonan: RM 5<br>Permit Pekerja: RM 2<br>(sah laku permit selama setahun) | Subseksyen 88(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | membayar fee pendaftaran yang dikenakan. | | |
| 19. | Pengambilan Murid | a) Murid tadika hendaklah berumur antara 4 – 6 tahun pada 1 Januari tahun berkenaan.<br><br>b) Tadika hendaklah menyimpan suatu daftar butir-butir mengenai semua murid. | Daftar murid hendaklah disimpan di tadika berkenaan dan boleh dikemukakan pada bila-bila masa apabila dikehendaki oleh Ketua Pendaftar. | Seksyen 98, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) |
| 20. | Kemudahan Peralatan (termasuk bilik darjah, bilik penyediaan makanan serta bilik air/tandas) | x) Kemudahan dan peralatan yang disediakan hendaklah bersesuaian sebagai tadika seperti yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>y) Kemudahan-kemudahan untuk pembelajaran di luar kelas hendaklah disediakan bagi kegunaan murid.<br><br>z) Pusat/Sudut pembelajaran hendaklah mencukupi, lengkap dan bersesuaian dengan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. | • Institusi ini mesti mempunyai kemudahan pembelajaran yang sesuai dengan program pendidikan prasekolah.<br><br>• Bahan-bahan pembelajaran mestilah selamat digunakan. | Seksyen 84, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) Piawaian) 1998, P.U.(A) 219/98. |
| 21. | Pengiklanan | Tiada seorang pun boleh mempromosi sesuatu institusi pendidikan sama ada melalui iklan, prospektus, risalah atau selainnya kecuali telah didaftarkan atau Perakuan Pendaftaran Sementara telah dikeluarkan. | Pengiklanan yang dikeluarkan mestilah mengikut garis panduan pengiklanan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. | Seksyen 86, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Iklan) 1998 - P.U.(A) 229/98. |

## PUSAT BAHASA

---

**TAFSIRAN PUSAT BAHASA:**

Sesuatu institusi pendidikan yang menawarkan kursus kemahiran bahasa dan komunikasi.

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Penubuhan Pusat Bahasa | e) Penubuhan pusat bahasa hendaklah selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan dasar persyarikatan Malaysia.<br><br>f) Penubuhan pusat bahasa hendaklah selaras dengan konsep pendidikan sepanjang hayat serta selaras dengan dasar menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. | Setiap permohonan untuk menubuhkan pusat bahasa disertakan dengan satu kertas kerja yang lengkap berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. | Seksyen 73, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 9/1995: Pengurusan Penubuhan Institusi Pendidikan Swasta (IPS) – 26.4.1995. |
| 2. | Pendaftaran Pusat Bahasa | u) Pendaftaran pusat Bahasa hendaklah selaras dengan Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.<br><br>v) Perakuan Pendaftaran hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis institusi itu.<br><br>w) Sebarang pindaan kepada syarat-syarat berkaitan pendaftaran hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pendaftar. | • Setiap permohonan pendaftaran pusat bahasa hendaklah dibuat dalam Borang A Jadual Pertama disertai fee yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Pendidikan.<br><br>• Fee permohonan pendaftaran RM 150.<br><br>• Fee permohonan membaharui Perakuan Pendaftaran RM 50.<br><br>• Perakuan Pendaftaran sah untuk tempoh 5 tahun.<br><br>• Permohonan memperbaharui Perakuan Pendaftaran hendaklah dikemukakan 30 hari sebelum tamat tempoh sah lakunya. | Subseksyen 79(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Subseksyen 82(2), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 - P.U.(A) 534/97.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 10/1995: Memperhabarui Sijil Pendaftaran Sekolah / Institusi (26.4.1995). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | x) Perakuan Pendaftaran tidak boleh dipindah milik. | | |
| 3. | Peningkatan Status IPS | IPS dibenarkan memohon meningkatkan status menjadi IPTS | IPS yang hendak meningkatkan status mereka menjadi IPTS perlu mendapatkan persetujuan terlebih dahulu dari Ketua Pendaftar. | Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 12/1995: Peningkatan Status Institusi Pendidikan Swasta (IPS) – 26.4.1995. |
| 4. | Nama Institusi | Nama institusi yang dicadangkan sesuai serta mengutamakan Bahasa Melayu, mempunyai unsur-unsur pendidikan dan bercirikan Malaysia. | a) Nama institusi hendaklah dalam bahasa Melayu, bermula dengan "Pusat Bahasa" dan diikuti dengan nama yang dicadangkan.<br><br>b) Nama orang kenamaan tempatan yang telah meninggal dunia boleh digunakan dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada warisnya. Lain-lain nama yang tidak boleh digunakan termasuklah yang berikut:<br>• nama orang kenamaan yang masih hidup,<br>• nama tempat,<br>• nama jalan,<br>• nama singkatan,<br>• nama yang tidak mempunyai makna.<br>• Nama institusi- institusi pendidikan yang terkenal sama ada di dalam atau luar negeri.<br>• Nama yang menggunakan perkataan "yayasan / politeknik". | Seksyen 84(c), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran 13/1995: Penamaan Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (26.04.1995).<br><br>Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta, Tahun 1994. |
| 5. | Bahasa Pengantar | Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua pusat Bahasa. | Pengecualian penggunaan bahasa pengantar selain Bahasa Kebangsaan boleh dipertimbangkan, dengan kelulusan Menteri. | Subseksyen 17(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| 6. | Kurikulum | a) Kursus bahasa di | • Kurikulum yang hendak | Subseksyen 18 (2), |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | pusat bahasa hendaklah khusus menyediakan kemahiran bahasa dan komunikasi.<br><br>b) Setiap kursus pengajian yang dikendalikan hendaklah tidak melebihi 20 jam kredit atau tidak melebihi 3 bulan pengajian secara terterusan untuk sesuatu program pengajian.<br><br>c) Sebarang pindaan / tambahan kepada kursus pengajian hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pendaftar.<br><br>d) Pusat bahasa boleh mengendalikan kurikulum bahasa asing dengan kelulusan Ketua Pendaftar. | dijalankan mesti mendapat kelulusan Ketua Pendaftar.<br><br>• Setiap jam kredit bersamaan dengan 5 jam.<br><br>• Kursus tambahan yang hendak dijalankan mesti mendapat kelulusan Ketua Pendaftar.<br><br>• IPS dilarang menjalankan program pengajian yang melebihi 20 jam kredit atau melebihi 3 bulan tempoh pengajian. | Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Subseksyen 77(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| 7. | Peruntukan masa operasi | Pusat bahasa dibenarkan mengendalikan operasinya pada waktu pagi, petang dan malam. | • Masa yang diperuntukkan untuk pendidikan hendaklah seperti yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar. | Subseksyen 77(1), Akta Pendidikan 1996 – Akta 550. |
| 8. | Peperiksaan dan Penganugerahan sijil | g) Pusat bahasa hendaklah mengendalikan peperiksaan masing-masing.<br><br>h) Pusat bahasa tidak boleh menjadi sebarang pusat peperiksaan luar kecuali mendapat kelulusan Ketua Pendaftar. | • Pusat bahasa boleh menganugerahkan sijil tamat pengajian kepada murid-murid yang telah menamatkan kursus dengan jayanya.<br><br>• Sijil yang dianugerahkan tidak layak menerima pemindahan kredit untuk meneruskan ke pengajian lain.<br><br>• Keputusan peperiksaan hendaklah direkodkan. | Subseksyen 69(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 9. | Pengurusan | | | |
| | (rr) Surat Cara Pengelolaan | Tiap-tiap institusi hendaklah mempunyai surat cara pengelolaan yang dipersetujui oleh Ketua Pendaftar. | Ahli Lembaga Pengelola hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya lima (5) orang termasuk pengerusi bagi pengurusan institusi pendidikan sebelum dibenarkan berdaftar dan beroperasi. | Seksyen 53, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) |
| | (ss) Sesi Belajar | Sesi belajar setiap pusat bahasa hendaklah seperti yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar. | Sesi pengajaran adalah semata untuk pengajaran bahasa dan komunikasi, serta beroperasi pada waktu pagi, petang dan malam. | |
| | (tt) Rekod Pendaftaran Murid | Setiap pusat Bahasa perlu mempunyai rekod pendaftaran murid. | • Buku pendaftaran murid perlu dikemas kini supaya boleh dibuat semakan & cabutan.<br>• Pusat Bahasa perlu mempunyai rekod kehadiran murid. | |
| | (e) Aktiviti Luar Murid | Setiap pusat Bahasa adalah bertanggungjawab terhadap keselamatan murid untuk program luar pusat bahasa dan perlu mematuhi peraturan-peraturan sedia ada. | Program luar pusat bahasa seperti lawatan sambil belajar mesti dimaklumkan kepada Pendaftar Sekolah dan Guru di JPN masing-masing, serta mematuhi aspek keselamatan termasuk perlindungan insurans. | Seksyen 98, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) |
| | (uu) Keselamatan, Kesihatan dan Kebersihan | Setiap pusat bahasa mesti mengutamakan keselamatan, kesihatan dan kebersihan murid. | Setiap pusat bahasa hendaklah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh 3 agensi:<br>• Pihak Berkuasa Tempatan<br>• Bomba dan Penyelamat<br>• Pejabat Kesihatan | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Piawaian) 1998 - P.U.(A) 219/98. |
| | (vv) Perekrutan Pelajar Antarabangsa | Institusi yang ingin merekrut pelajar antarabangsa mestilah mendapat syor Kementerian Pelajaran dan kelulusan KHEDN. | Permohonan perekrutan pelajar antarabangsa mestilah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran dan KHEDN. | Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002). |
| 10. | Kerjasama pihak pengurusan syarikat dengan pihak pengurusan institusi. | Pihak pengurusan syarikat mesti bekerjasama dengan pengurusan institusi. | Bantuan kewangan untuk tujuan belanja mengurus seperti;<br>• Gaji guru / kakitangan<br>• Peralatan<br>• Bahan P&P | |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 11. | Lokasi | a) Lokasi institusi hendaklah sesuai dengan iklim pengajaran pembelajaran, keselamatan, kesihatan dan lain-lain<br><br>b) Pemindahan lokasi hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan yang bertulis daripada Ketua Pendaftar. | Lokasi yang sesuai adalah seperti berikut:<br><br>• Tiada gangguan atau ancaman bahan kimia atau kotoran sampah.<br><br>• Tidak berdekatan dengan pusat hiburan, perjudian, rekreasi atau pasar.<br><br>• Tidak berdekatan dengan tempat yang mudah terbakar, bengkel yang bising, sungai atau bangunan lama.<br><br>• Tidak terlalu dekat dengan institusi lain yang mengendalikan kursus yang serupa. | Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta, Tahun 1994. |
| 12. | Premis | q) Premis yang digunakan bagi pusat Bahasa hendaklah sesuai dan selamat serta boleh didaftarkan sebagai sebuah pusat Bahasa, serta mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh pihak berkuasa:<br>• Pihak Berkuasa Tempatan<br>• Bomba dan Penyelamat<br>• Pejabat Kesihatan<br><br>r) Sebarang penambahan/ perpindahan premis/penubuhan cawangan hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar. | • Pusat bahasa mesti beroperasi di bangunan rumah kedai atau bangunan untuk tujuan komersial. Premis yang selain daripada itu tidak dibenarkan, melainkan premis yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.<br><br>• Pusat bahasa mesti beroperasi di premis dan kawasan yang selamat, serta memenuhi piawaian yang telah ditetapkan:<br>➢ Penyenggaraan<br>➢ Pencahayaan, pengudaraan dan ruang premis<br>➢ Bilik darjah<br>➢ Kemudahan asas<br>➢ Keselamatan dan kesihatan<br>➢ Kegunaan premis<br>➢ Pengubahsuaian premis | Subseksyen 83(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Piawaian) 1998 - P.U.(A) 219/98.<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 - P.U.(A) 534/97. |
| 13. | Yuran Pengajian dan Bayaran Lain | m) Kadar yuran pengajian dan bayaran lain hendaklah berpatutan dan diluluskan oleh | • Kenaikan yuran pengajian dan bayaran lain boleh dipertimbangkan selepas 3 tahun.<br><br>• Notis 3 bulan hendaklah | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 – |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | Ketua Pendaftar.<br><br>n) Sebarang kenaikan yuran dan bayaran lain hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar terlebih dahulu. | dimaklumkan kepada ibu bapa dan murid.<br><br>• Kadar kenaikan yuran pengajian dan bayaran lain tidak lebih dari 30%.<br><br>• Yuran pengajian dan bayaran lain yang baru boleh dikuatkuasakan pada tahun berikutnya.<br><br>• Senarai yuran dan bayaran lain yang diluluskan hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di tadika itu dan hendaklah juga dimasukkan di dalam prospektus institusi. | P.U.(A) 534/97. |
| 14. | Hak milik | w) Pemilikan perniagaan pendidikan hendaklah dimiliki oleh syarikat yang pemiliknya warganegara Malaysia atau syarikat usaha sama rakyat Malaysia dengan asing.<br><br>x) Syarikat hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Pendaftaran Syarikat (ROC).<br><br>y) Bagi syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Malaysia, ia dikehendaki mendaftar sebuah anak syarikat sebagai sebuah Syarikat Sendirian Berhad. Syarikat yang disenaraikan itu dibenarkan memiliki saham sehingga 70% ekuiti dalam anak syarikat itu, dan mengekalkan | • Pemilikan institusi pendidikan sama ada dimiliki oleh warganegara Malaysia atau dimiliki secara usaha sama warganegara Malaysia dan asing.<br><br>• Jika institusi itu ditubuhkan di bawah nama syarikat (ROC), ia hendaklah mempunyai ekuiti minimum Bumiputera sekurang-kurangnya 30 %.<br><br>• Sebarang pindaan struktur ekuiti/ perubahan pemegang saham/ pindah hak milik mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Aktiviti-aktiviti syarikat berkaitan pendidikan mesti jelas dinyatakan di dalam *Memorandum and Article*s (M&A). | |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | pemilikan ekuiti bumiputera 30%. | | |
| 15. | Modal | a) Modal yang dibenarkan dan modal berbayar syarikat yang dimiliki sesebuah institusi hendaklah menggambarkan keupayaan yang mencukupi bagi menubuhkan sesebuah institusi.<br><br>b) Maklumat berkaitan pemegang saham syarikat hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen yang berkaitan. | • Modal berbayar sesebuah syarikat yang memiliki institusi hendaklah sekurang-kurangnya RM 50,000.00.<br><br>• Modal dalam bentuk saham tidak boleh diterima sebagai bukti keupayaan kewangan. | Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta, 1994. |
| 16. | Lembaga Pengelola | aa) Ahli Lembaga Pengelola mesti warganegara Malaysia.<br><br>bb) Ahli Lembaga Pengelola mestilah bebas daripada tindakan mahkamah.<br><br>cc) Ahli-ahli Lembaga Pengelola hendaklah berdaftar dengan Ketua Pendaftar dan membayar fee yang dikenakan.<br><br>dd) Bilangan minimum Ahli Lembaga Pengelola Sekolah adalah lima (5) orang. | • Pengurusan institusi mestilah berdasarkan suratcara pengelolaannya.<br><br>• Sebarang perubahan pada Ahli Lembaga Pengelola mesti mendapat kebenaran daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Fee:<br>Permohonan: RM 5<br>Permit Pengelola: RM 2<br>(sah laku permit selama setahun) | Subseksyen 53(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Subseksyen 88(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| 17. | Pengetua | p) Pengetua mesti warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan dan pengalaman bersesuaian dalam bidang pendidikan. | • Kelayakan minimum Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau lain-lain kelayakan yang setaraf dengannya.<br><br>• Sebarang pertukaran pengetua mesti mendapat kebenaran daripada Ketua | Seksyen 103, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 114 Akta, Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | q) Pengetua yang dilantik hendaklah diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>r) Pengetua mesti mempunyai Perakuan Pendaftaran atau Permit Mengajar. | Pendaftar.<br><br>• Semua pengetua yang dilantik hendaklah bebas dari sebarang tindakan mahkamah dan lulus tapisan keselamatan Polis Diraja Malaysia.<br><br>• Pengetua yang dilantik hendaklah berusia tidak melebihi 66 tahun. | |
| 18. | Guru | kk) Guru-guru mestilah warganegara Malaysia yang berdaftar & berkelayakan sekurang-kurangnya di peringkat SPM atau yang setaraf dengannya.<br><br>ll) Guru hendaklah berdaftar dan membayar fee yang dikenakan.<br><br>mm) Permit Mengajar hanya sah untuk institusi yang dipohon sahaja.<br><br>nn) Guru mesti mendapat perakuan kesihatan daripada doktor perubatan yang bertauliah.<br><br>oo) Guru mesti lulus tapisan keselamatan Polis.<br><br>pp) Guru terlatih yang telah sah dalam jawatan, yang mengajar di pusat bahasa mesti mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan.<br><br>qq) Guru asing yang dilantik hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pendaftar dan | • Guru-guru berdaftar dibenarkan berkhidmat pada umur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun. Selepas usia 60 tahun boleh dilantik secara kontrak tahunan jika perlu.<br><br>• Fee:<br>Permohonan: RM 5<br>Permit Mengajar: RM 2 (sah laku permit selama setahun).<br><br>• Kelulusan Permit Mengajar oleh Ketua Pendaftar tertakluk kepada tahap kesihatan & perkara-perkara lain yang difikirkan sesuai.<br><br>• Perakuan kesihatan adalah untuk memastikan guru sihat dari segi mental dan fizikal.<br><br>• Tapisan keselamatan polis adalah untuk memastikan guru bebas daripada rekod jenayah.<br><br>• Guru-guru sekolah kerajaan hanya dibenarkan mengajar tidak melebihi 4 jam seminggu.<br><br>• Kelulusan dari Ketua Pendaftar hendaklah terlebih dahulu diperoleh sebelum menggaji guru | Seksyen 103, Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 114 Akta, Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 4/2002: Dasar Pengambilan / Penempatan Pakar / Pegawai / Guru-Guru Bukan Warganegara Di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta / Institusi Pendidikan Swasta (18.2.2002).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 4/1995: Permohonan Perakuan Pendaftaran Guru (PPG) – 26.4.1995.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 5/1995: Permohonan Permit Mengajar Bagi Guru-Guru Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (IPS) – 26.4.1995. |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | telah mendapat kelulusan pas penggajian dari Jabatan Imigresen. | asing. | Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002).<br><br>Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. |
| 19. | Kemudahan Peralatan (termasuk bilik darjah & bilik khas) | aa) Kemudahan dan peralatan yang disediakan hendaklah bersesuaian sebagai Pusat Bahasa seperti yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>bb) Semua makmal atau bilik khas mesti bersesuaian dengan kurikulum / kursus pendidikan yang dianjurkan. | • Institusi ini mesti mempunyai kemudahan pembelajaran yang sesuai dengan kursus yang ditawarkan.<br><br>• Peralatan pembelajaran merupakan sokongan penting untuk menjadikan proses pendidikan di pusat bahasa lebih berkesan. | Seksyen 84, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) Piawaian) 1998, P.U.(A) 219/98. |
| 20. | Pengambilan Murid dan Syarat Kelayakan Masuk | a) Murid-murid yang didaftarkan hendaklah tidak kurang daripada 4 tahun.<br><br>b) IPS dibenarkan mengambil murid asing selepas mendapat kelulusan KHEDN. | • Permohonan untuk perekrutan pelajar asing boleh dikemukakan kepada KHEDN selepas mendapat perakuan JPS.<br><br>• Tidak dikenakan sebarang syarat minimum kelayakan masuk. | Surat Pekeliling Pentadbiran JPS Bil. 1/1997: Syarat Bukti Kemampuan Untuk Permohonan Pas pelajar Bagi Pelajar Asing Di Institusi Pendidikan Swasta (13.9.1997).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran JPS Bil. 1/1999: Peraturan Tentang Merekrut Pelajar-Pelajar Dari Republik Rakyat China (29.12.1999).<br><br>Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002). |
| 21. | Pengiklanan | Tiada seorang pun boleh mempromosi sesuatu institusi | Pengiklanan yang dikeluarkan mestilah mengikut garis panduan | Seksyen 86, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | pendidikan sama ada melalui iklan, prospektus, risalah atau selainnya kecuali telah didaftarkan atau Perakuan Pendaftaran Sementara telah dikeluarkan. | pengiklanan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Iklan) 1998 - P.U.(A) 229/98. |

## PUSAT KOMPUTER

### TAFSIRAN PUSAT KOMPUTER:

Sesuatu institusi pendidikan yang khusus menyediakan latihan untuk menguasai kemahiran komputer, kemahiran ICT, kemahiran membina perisian dan kemahiran menyelenggara komputer.

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Penubuhan Pusat Komputer | g) Penubuhan pusat komputer hendaklah selaras dengan Akta Pendidikan 1996 dan Dasar Pendidikan Kebangsaan.<br><br>h) Penubuhan pusat komputer adalah untuk menyediakan pendidikan bagi tujuan membekalkan guna tenaga berkemahiran selaras dengan wawasan negara. | Setiap permohonan untuk menubuhkan pusat komputer disertakan dengan satu kertas kerja yang lengkap berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. | Seksyen 73, Akta Pendidikan Tahun 1996 (Akta 550)<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 9/1995: Pengurusan Penubuhan Institusi Pendidikan Swasta (IPS) – 26.4.1995. |
| 2. | Pendaftaran Pusat Komputer | y) Pendaftaran pusat komputer hendaklah selaras dengan Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.<br><br>z) Perakuan Pendaftaran hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis institusi itu.<br><br>aa) Sebarang pindaan kepada syarat-syarat berkaitan pendaftaran hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pendaftar. | • Setiap permohonan pendaftaran pusat komputer hendaklah dibuat dalam Borang A Jadual Pertama disertai fee yang ditetapkan oleh Peraturan Pendidikan yang diguna pakai.<br><br>• Fee permohonan pendaftaran RM 150.<br><br>• Fee permohonan membaharui Perakuan Pendaftaran RM 50.<br><br>• Perakuan Pendaftaran sah untuk tempoh 5 tahun.<br><br>• Permohonan memperbaharui perakuan | Subseksyen 79(1), Akta Pendidikan 1996.<br><br>Subseksyen 82(2), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 - P.U.(A) 534/97.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 10/1995: Memperhabarui Sijil Pendaftaran Sekolah / Institusi (26.4.1995). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | bb) Perakuan Pendaftaran tidak boleh dipindah milik. | pendaftaran hendaklah dibuat 30 hari sebelum tamat tempoh sah lakunya. | |
| 3. | Peningkatan Status IPS | IPS dibenarkan memohon meningkatkan status menjadi IPTS | IPS yang hendak meningkatkan status mereka menjadi IPTS perlu mendapatkan persetujuan terlebih dahulu dari Ketua Pendaftar. | Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 12/1995: Peningkatan Status Institusi Pendidikan Swasta (IPS) – 26.4.1995. |
| 4. | Nama Institusi | Nama institusi yang dicadangkan sesuai serta mengutamakan Bahasa Melayu, mempunyai unsur-unsur pendidikan dan bercirikan Malaysia. | a) Nama institusi hendaklah dalam bahasa Melayu, bermula dengan "Pusat Komputer" dan diikuti dengan nama yang dicadangkan.<br><br>b) Nama orang kenamaan tempatan yang telah meninggal dunia boleh digunakan dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada warisnya. Lain-lain nama yang tidak boleh digunakan termasuklah yang berikut:<br>• nama orang kenamaan yang masih hidup,<br>• nama tempat,<br>• nama jalan,<br>• nama singkatan,<br>• nama yang tidak mempunyai makna.<br>• Nama institusi-institusi pendidikan yang terkenal sama ada di dalam atau luar negeri.<br>• Nama yang menggunakan "yayasan / politeknik". | Seksyen 84(c), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran 13/1995: Penamaan Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (26.04.1995).<br><br>Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta, Tahun 1994. |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 5. | Bahasa Pengantar | Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua pusat komputer. | Penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar boleh dipertimbangkan, dengan kelulusan Menteri. | Subseksyen 17(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| 6. | Kurikulum | e) Program yang dikendalikan adalah kurikulum yang berasaskan komputer dan ICT sahaja dan telah diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br>f) Setiap kursus pengajian yang dikendalikan hendaklah tidak melebihi 20 jam kredit atau tidak melebihi 3 bulan pengajian secara terterusan untuk sesuatu program pengajian.<br>g) Sebarang pindaan / tambahan kepada kursus pengajian hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pendaftar.<br>h) Pusat komputer boleh mengendalikan kurikulum negara luar dengan kelulusan Ketua Pendaftar. | • Mata pelajaran yang dibenarkan adalah yang berkaitan dengan komputer dan ICT sahaja.<br>• Kursus pengajian yang ditawarkan adalah dalam bentuk jangka masa pendek iaitu tidak melebihi 3 bulan atau 20 jam kredit.<br>• Setiap jam kredit bersamaan dengan 5 jam.<br>• Sebarang kursus tambahan hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pendaftar sebelum dikendalikan.<br>• IPS dilarang menjalankan program pengajian yang melebihi 20 jam kredit atau melebihi 3 bulan tempoh pengajian. | Subseksyen 77 (1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| 7. | Peruntukan masa operasi | Pusat komputer dibenarkan mengendalikan operasinya pada waktu pagi, petang dan malam. | • Masa yang diperuntukkan untuk pendidikan hendaklah seperti yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar. | |
| 8. | Peperiksaan dan Penganugerahan sijil | i) Pusat komputer hendaklah mengendalikan peperiksaan | • Pusat komputer boleh menganugerahkan sijil tamat pengajian | Subseksyen 69(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | masing-masing.<br><br>j) Pusat komputer tidak boleh menjadi sebarang pusat peperiksaan luar kecuali mendapat kelulusan Ketua Pendaftar. | kepada murid-murid yang telah menamatkan kursus dengan jayanya.<br><br>• Sijil yang dianugerahkan tidak layak menerima pemindahan kredit untuk meneruskan ke pengajian lain.<br><br>• Keputusan peperiksaan hendaklah direkodkan. | |
| 9. | Pengurusan | | | |
| | (ww) Pengurusan Murid | Pusat komputer disarankan mempunyai 'student hand book' | Sebagai bahan rujukan untuk ibu/bapa dan murid tentang peraturan-peraturan pusat komputer. | |
| | (xx) Surat Cara Pengelolaan | Tiap-tiap institusi hendaklah mempunyai surat cara pengelolaan yang dipersetujui oleh Ketua Pendaftar. | Ahli Lembaga Pengelola hendaklah dianggotai oleh lima (5) orang termasuk pengerusi bagi pengurusan institusi pendidikan sebelum dibenarkan berdaftar dan beroperasi. | Seksyen 53 dan 89, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) |
| | (yy) Rekod Pendaftaran Murid | Setiap pusat komputer perlu mempunyai rekod pendaftaran murid. | • Buku pendaftaran murid perlu dikemas kini supaya boleh dibuat semakan & cabutan.<br>• Pusat komputer perlu mempunyai rekod kehadiran murid. | Seksyen 98, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| | (zz) Aktiviti Luar Murid | Setiap pusat komputer adalah bertanggungjawab terhadap keselamatan murid untuk program luar pusat komputer dan perlu mematuhi peraturan-peraturan sedia ada. | Program luar pusat komputer seperti lawatan sambil belajar mesti dimaklumkan kepada Pendaftar Sekolah dan Guru di JPN masing-masing, serta mematuhi aspek keselamatan termasuk perlindungan insurans. | |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | (aaa) Keselamatan, Kesihatan dan Kebersihan<br><br>(f) Perekrutan Pelajar Antarabangsa | Setiap pusat komputer mesti mengutamakan keselamatan, kesihatan dan kebersihan murid.<br><br>Institusi yang ingin merekrut pelajar antarabangsa mestilah mendapat perakuan Kementerian Pelajaran dan kelulusan KHEDN. | Setiap pusat komputer hendaklah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh 3 agensi:<br>• Pihak Berkuasa Tempatan<br>• Bomba dan Penyelamat<br>• Pejabat Kesihatan<br><br>Permohonan perekrutan pelajar antarabangsa mestilah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran dan KHEDN. | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) 1998 (Piawaian) 1998 - P.U.(A) 219/98.<br><br>Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002). |
| 10. | Kerjasama pihak pengurusan syarikat dengan pihak pengurusan institusi. | Pihak pengurusan syarikat mesti bekerjasama dengan pengurusan institusi. | Pengurusan kewangan untuk tujuan belanja mengurus seperti;<br>• Gaji guru / kakitangan<br>• Peralatan<br>• Bahan P&P | |
| 11. | Lokasi | a) Lokasi institusi hendaklah sesuai dengan iklim pengajaran pembelajaran, keselamatan, kesihatan dan lain-lain<br><br>b) Pemindahan lokasi hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan yang bertulis daripada Kementerian Pelajaran. | Lokasi yang sesuai adalah seperti berikut:<br>• Tiada gangguan atau ancaman bahan kimia atau kotoran sampah.<br>• Tidak berdekatan dengan pusat hiburan, perjudian, rekreasi atau pasar.<br>• Tidak berdekatan dengan tempat yang mudah terbakar, bengkel yang bising, sungai atau bangunan lama.<br>• Tidak terlalu dekat dengan institusi lain yang mengendalikan kursus yang serupa. | Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta, Tahun 1994. |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| 12. | Premis | a) Premis yang digunakan bagi pusat komputer hendaklah sesuai dan selamat serta boleh didaftarkan sebagai sebuah pusat komputer.<br><br>b) Sebarang penambahan/ perpindahan premis/penubuhan cawangan hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Kementerian Pelajaran. | • Pusat komputer mesti beroperasi di bangunan rumah kedai atau bangunan untuk tujuan komersial. Premis yang selain daripada itu tidak dibenarkan, melainkan premis yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.<br><br>• Piawaian yang telah ditetapkan bagi premis adalah:<br>▪ Penyenggaraan<br>▪ Pencahayaan, pengudaraan dan ruang premis<br>▪ Bilik darjah<br>▪ Kemudahan asas<br>▪ premis<br>▪ Pengubahsuaian premis<br>▪ Keselamatan dan kesihatan<br>▪ Kegunaan premis<br>▪ Pengubahsuaian premis | Subseksyen 83(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Piawaian) 1998 - P.U.(A) 219/98.<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 - P.U.(A) 534/97. |
| 13. | Yuran Pengajian dan Bayaran Lain | o) Kadar yuran pengajian dan bayaran lain hendaklah berpatutan dan diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>p) Sebarang kenaikan yuran dan bayaran lain hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar terlebih dahulu. | • Kenaikan yuran pengajian dan bayaran lain boleh dipertimbangkan selepas 3 tahun.<br><br>• Notis 3 bulan hendaklah dimaklumkan kepada ibu bapa dan murid.<br><br>• Kadar kenaikan yuran pengajian dan bayaran lain tidak lebih dari 30%.<br><br>• Yuran pengajian dan bayaran lain yang baru boleh dikuatkuasakan pada tahun | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 – P.U.(A) 534/97. |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
| --- | --- | --- | --- | --- |
| | | | berikutnya.<br><br>• Senarai yuran dan bayaran lain yang diluluskan hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di tadika itu dan hendaklah juga dimasukkan di dalam prospektus institusi. | |
| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 5. | Kurikulum | Kurikulum yang diguna hendaklah Kurikulum Kebangsaan. | • Mata pelajaran Kurikulum Kebangsaan boleh diubahsuai mengikut keperluan kemahiran 3M tanpa menitikberatkan mata pelajaran teras seperti dalam Jadual Peraturan Pendidikan.<br><br>• Kurikulum yang hendak dijalankan mesti mendapat kelulusan Ketua Pendaftar.<br><br>• Kursus tambahan yang hendak dijalankan mesti mendapat kelulusan Ketua Pendaftar. | Subseksyen 18 (2), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| 6. | Peruntukan masa operasi | Pusat bimbingan hendaklah menggunakan jumlah masa tidak melebihi 4 jam sehari untuk menjalankan program pendidikan. | Setiap pusat bimbingan hendaklah menggunakan jumlah masa pengajaran seperti yang didaftarkan. | |
| 7. | Penilaian | k) Pusat bimbingan perlu mengadakan penilaian pencapaian pelajar secara berterusan.<br><br>l) Pusat bimbingan tidak boleh menjadi sebarang pusat peperiksaan. | • Pusat bimbingan boleh menjalankan program pendidikan yang mempunyai mata pelajaran peperiksaan. Akan tetapi, pusat bimbingan tidak boleh menjadi pusat peperiksaan.<br><br>• Keputusan penilaian hendaklah direkodkan. | Seksyen 19, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| 8. | Pengurusan<br><br>(nnn) Sesi belajar<br><br>(ooo) Surat Cara Pengelolaan | Sesi belajar setiap pusat bimbingan hendaklah seperti yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>Tiap-tiap institusi hendaklah mempunyai surat cara pengelolaan yang dipersetujui oleh Ketua Pendaftar. | Sebagai bahan rujukan untuk ibu/bapa dan murid tentang peraturan-peraturan pusat tuisyen.<br><br>Ahli lembaga pengelola hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya tiga (3) orang termasuk pengerusi bagi pengurusan institusi pendidikan sebelum dibenarkan | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 – P.U.(A) 197/98. |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | | berdaftar dan beroperasi. | |
| | (ppp) Rekod Pendaftaran Murid | Setiap pusat bimbingan perlu mempunyai rekod pendaftaran murid. | • Buku pendaftaran murid perlu dikemas kini supaya boleh dibuat semakan & cabutan.<br><br>▪ Pusat bimbingan perlu mempunyai rekod kehadiran murid. | Seksyen 98, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| | (qqq) Aktiviti Luar Murid | Setiap pusat Bimbingan adalah bertanggungjawab terhadap keselamatan murid untuk program luar pusat bimbingan dan perlu mematuhi peraturan-peraturan sedia ada. | Program luar pusat bimbingan seperti lawatan sambil belajar mesti dimaklumkan kepada Pendaftar Sekolah dan guru di JPN masing-masing, serta mematuhi aspek keselamatan termasuk perlindungan insurans. | |
| | (rrr) Keselamatan, Kesihatan dan Kebersihan | Setiap pusat bimbingan mesti mengutamakan keselamatan, kesihatan dan kebersihan murid. | Setiap pusat bimbingan hendaklah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh 3 agensi:<br>• Pihak Berkuasa Tempatan<br>• Bomba dan Penyelamat<br>• Pejabat Kesihatan | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) 1998 Piawaian) 1998 - P.U.(A) 219/98.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran 1/1998: Penjagaan Kebersihan dan Kesihatan Sekolah Swasta dan Tadika Swasta (3.4.1998). |
| 9. | Kerjasama pihak pengurusan syarikat dengan pihak pengurusan institusi. | Pihak pengurusan syarikat mesti bekerjasama dengan pengurusan institusi. | Pengurusan kewangan untuk tujuan belanja mengurus seperti;<br>▪ Gaji guru / kakitangan<br>▪ Peralatan<br>22. Bahan P&P | |
| 10. | Lokasi | a) Lokasi institusi hendaklah sesuai dengan iklim pengajaran pembelajaran, keselamatan, kesihatan dan lain-lain<br><br>b) Pemindahan lokasi hendaklah terlebih | Lokasi yang sesuai adalah seperti berikut:<br><br>• Tiada gangguan atau ancaman bahan kimia atau kotoran sampah.<br><br>• Tidak berdekatan dengan pusat hiburan, perjudian, rekreasi | Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta, Tahun 1994. |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | dahulu mendapatkan kelulusan yang bertulis daripada Ketua Pendaftar. | atau pasar.<br>• Tidak berdekatan dengan tempat yang mudah terbakar, bengkel yang bising, sungai atau bangunan lama.<br>• Tidak terlalu dekat dengan institusi lain yang mengendalikan kursus yang serupa. | |
| 11. | Premis | s) Premis yang digunakan bagi pusat Bimbingan hendaklah sesuai dan selamat serta boleh didaftarkan sebagai sebuah pusat Bimbingan.<br>t) Sebarang penambahan/ perpindahan premis/penubuhan cawangan hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar. | • Pusat bimbingan mesti beroperasi di premis dan kawasan yang selamat.<br>• Piawaian yang telah ditetapkan bagi premis adalah:<br>▪ Penyenggaraan<br>▪ Pencahayaan, pengudaraan dan ruang premis<br>▪ Bilik darjah<br>▪ Kemudahan asas<br>▪ premis<br>▪ Pengubahsuaian premis<br>▪ Keselamatan dan kesihatan<br>▪ Kegunaan premis<br>▪ Pengubahsuaian premis | Subseksyen 83(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) Piawaian) 1998 - P.U.(A) 219/98.<br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 – P.U.(A) 534/97. |
| 12. | Yuran Pengajian dan Bayaran Lain | e) Jenis dan kadar yuran hendaklah berpatutan dan diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br>f) Sebarang kenaikan yuran dan bayaran lain perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar terlebih dahulu. | • Kenaikan yuran pengajian dan bayaran lain boleh dipertimbangkan selepas 3 tahun.<br>• Notis 3 bulan hendaklah dimaklumkan kepada ibu bapa dan murid.<br>• Kadar kenaikan yuran pengajian dan bayaran lain tidak lebih dari 30%.<br>• Yuran pengajian dan bayaran lain yang baru boleh dikuatkuasakan pada tahun berikutnya. | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 – P.U.(A) 534/97. |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | | • Senarai yuran dan bayaran lain yang diluluskan hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di tadika itu dan hendaklah juga dimasukkan di dalam prospektus institusi. | |
| 13. | Hak milik | cc) Institusi hendaklah dimiliki oleh warganegara Malaysia sahaja.<br><br>dd) Pemilikan perniagaan hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sama ada di bawah Pendaftaran Perniagaan (ROB) atau Pendaftaran Syarikat (ROC).<br><br>ee) Bagi syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Malaysia, ia dikehendaki mendaftar sebuah anak syarikat sebagai sebuah Syarikat Sendirian Berhad. Syarikat yang disenaraikan itu dibenarkan memiliki saham sehingga 70% ekuiti dalam anak syarikat itu, dan mengekalkan pemilikan ekuiti bumiputera 30%.<br><br>ff) Pusat bimbingan boleh dimiliki oleh pertubuhan / persatuan yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis. | • Warganegara asing tidak dibenarkan bagi mengusahakan pusat bimbingan.<br><br>• Jika institusi itu ditubuhkan di bawah nama syarikat (ROC), ia hendaklah mempunyai ekuiti minimum Bumiputera sekurang-kurangnya 30%.<br><br>• Sebarang pindaan struktur ekuiti/ perubahan pemegang saham/ pindah hak milik mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Aktiviti-aktiviti syarikat berkaitan pendidikan mesti jelas dinyatakan di dalam *Memorandum and Article*s (M&A).<br><br>• Bagi persatuan / pertubuhan yang hendak menjalankan aktiviti pendidikan, maka perlembagaan persatuan / pertubuhan berkenaan hendaklah menyatakannya dengan jelas seperti yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS). | |
| 14. | Modal | g) Modal yang dibenarkan dan modal berbayar syarikat yang dimiliki sesebuah | ▪ Modal berbayar yang dimiliki sesebuah syarikat yang memiliki institusi hendaklah | Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | institusi hendaklah menggambarkan keupayaan yang mencukupi bagi menubuhkan sesebuah institusi.<br><br>h) Maklumat berkaitan pemegang saham syarikat hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen yang berkaitan. | sekurang-kurangnya RM 10,000.00.<br><br>▪ Modal dalam bentuk saham tidak boleh diterima sebagai bukti keupayaan kewangan. | Pendidikan Swasta, 1994. |
| 15. | Lembaga Pengelola | ee) Ahli Lembaga Pengelola mesti warganegara Malaysia.<br><br>ff) Ahli Lembaga Pengelola mestilah bebas daripada tindakan mahkamah.<br><br>gg) Ahli-ahli Lembaga Pengelola hendaklah berdaftar dengan Ketua Pendaftar dan membayar fee yang dikenakan.<br><br>hh) Bilangan minimum Ahli Lembaga Pengelola Sekolah adalah tiga (3) orang. | • Pengurusan institusi mestilah berdasarkan suratcara pengelolaannya.<br><br>• Sebarang perubahan pada Ahli Lembaga Pengelola mesti mendapat kebenaran daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Fee:<br>Permohonan: RM 5<br>Permit Pengelola: RM 2<br>(sah laku permit selama setahun) | Subseksyen 53(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Subseksyen 88(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| 16. | Guru Besar | s) Guru Besar mesti warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan dan pengalaman bersesuaian dalam bidang pendidikan.<br><br>t) Guru Besar yang dilantik hendaklah diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>u) Guru Besar mesti mempunyai Perakuan Pendaftaran atau Permit Mengajar. | • Kelayakan minimum Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau lain-lain kelayakan yang setaraf dengannya.<br><br>• Sebarang pertukaran Guru Besar mesti mendapat kebenaran daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Semua Guru Besar yang dilantik hendaklah bebas dari sebarang tindakan mahkamah dan lulus tapisan | Seksyen 103, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 114, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | | keselamatan Polis Diraja Malaysia.<br><br>• Guru Besar yang dilantik hendaklah berusia tidak melebihi 66 tahun. | |
| 17. | Guru | rr) Guru-guru mestilah warganegara Malaysia yang berdaftar & berkelayakan sekurang-kurangnya di peringkat SPM atau yang setaraf dengannya.<br><br>ss) Guru hendaklah berdaftar dan membayar fee yang dikenakan.<br><br>tt) Permit Mengajar hanya sah untuk institusi yang dipohon sahaja.<br><br>uu) Guru mesti mendapat perakuan kesihatan daripada doktor perubatan yang bertauliah.<br><br>vv) Guru mesti lulus tapisan keselamatan Polis.<br><br>ww) Guru terlatih yang telah sah dalam jawatan, yang mengajar di pusat bimbingan mesti mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan. | • Guru-guru berdaftar dibenarkan berkhidmat pada umur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun. Selepas usia 60 tahun boleh dilantik secara kontrak tahunan jika perlu.<br><br>• Fee:<br>Permohonan: RM 5<br>Permit Mengajar: RM 2 (sah laku permit selama setahun).<br><br>• Kelulusan Permit Mengajar oleh Ketua Pendaftar tertakluk kepada tahap kesihatan & perkara-perkara lain yang difikirkan sesuai.<br><br>• Perakuan kesihatan adalah untuk memastikan guru sihat dari segi mental dan fizikal.<br><br>• Tapisan keselamatan polis adalah untuk memastikan guru bebas daripada rekod jenayah.<br><br>• Guru-guru kerajaan hanya dibenarkan mengajar tidak melebihi 4 jam seminggu.<br><br>• Guru warganegara asing hendaklah mendapat pas penggajian dari Jabatan Imigresen sebelum dilantik sebagai guru. | Seksyen 103, Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 114 Akta, Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 4/2002: Dasar Pengambilan / Penempatan Pakar / Pegawai / Guru-Guru Bukan Warganegara Di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta / Institusi Pendidikan Swasta (18.2.2002).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 4/1995: Permohonan Perakuan Pendaftaran Guru (PPG) – 26.4.1995.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 5/1995: Permohonan Permit Mengajar Bagi Guru-Guru Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (IPS) – 26.4.1995.<br><br>Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002).<br><br>Peraturan- |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
| --- | --- | --- | --- | --- |
| | | | | Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)1993. |
| 18. | Kemudahan Peralatan (termasuk bilik darjah dan bilik khas) | cc) Kemudahan dan peralatan yang disediakan hendaklah bersesuaian sebagai pusat Bimbingan seperti yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>dd) Kemudahan tandas yang berasingan untuk kegunaan murid mestilah disediakan.<br><br>ee) Semua bilik khas mesti bersesuaian dengan kurikulum / kursus pendidikan yang dianjurkan. | • Institusi ini mesti mempunyai kemudahan pembelajaran yang sesuai dengan kursus yang ditawarkan.<br><br>• Bahan-bahan pembelajaran mestilah selamat digunakan. | Seksyen 84, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) Piawaian) 1998, P.U.(A) 219/98 |
| 19. | Pengambilan Murid dan Syarat Kelayakan Masuk | Pelajar-pelajar yang didaftarkan hendaklah murid-murid yang tidak kurang daripada umur 4 tahun. | Tidak dikenakan sebarang syarat minimum kelayakan masuk. | |
| 20. | Pengiklanan | Tiada seorang pun boleh mempromosi sesuatu institusi pendidikan sama ada melalui iklan, prospektus, risalah atau selainnya kecuali telah didaftarkan atau Perakuan Pendaftaran Sementara telah dikeluarkan. | Pengiklanan yang dikeluarkan mestilah mengikut garis panduan pengiklanan yang ditetapkan oleh KPM. | Seksyen 86, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Iklan) 1998 - P.U.(A) 229/98. |

## PUSAT TUISYEN

---

## TAFSIRAN PUSAT TUISYEN

Sesuatu institusi pendidikan swasta yang khusus memberi perkhidmatan bimbingan atau membantu murid institusi pendidikan ke arah persediaan murid itu menduduki peperiksaan.

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Penubuhan Pusat Tuisyen | o) Penubuhan Pusat tuisyen hendaklah selaras dengan Akta Pendidikan 1996 dan Dasar Pendidikan Kebangsaan.<br><br>p) Penubuhan pusat tuisyen adalah untuk memberi bimbingan kepada murid yang sedang belajar di institusi pendidikan bagi membimbing murid itu untuk menduduki peperiksaan. | Setiap permohonan untuk menubuhkan pusat tuisyen disertakan dengan satu kertas kerja yang lengkap berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. | Seksyen 73, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 9/1995: Pengurusan Penubuhan Institusi Pendidikan Swasta (IPS) – 26.4.1995.<br><br>Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 1/2001: Permohonan Pendaftaran, Perakuan Sementara Pendaftaran dan Membaharui Pendaftaran Institusi Pendidikan Prasekolah (20.2.2001). |
| 2. | Pendaftaran Pusat Tuisyen | oo) Pendaftaran pusat tuisyen hendaklah selaras dengan Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.<br><br>pp) Perakuan Pendaftaran hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis institusi itu. | • Setiap permohonan pendaftaran institusi hendaklah dibuat dalam Borang A Jadual Pertama disertai fee yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 [P.U.(A) 534/97].<br><br>• Fee permohonan pendaftaran RM 150.<br><br>• Fee permohonan membaharui Perakuan | Subseksyen 79(1) Akta Pendidikan 1996.<br><br>Subseksyen 82(2), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 - P.U.(A) 534/97.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 10/1995: |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | qq) Sebarang pindaan kepada syarat-syarat berkaitan pendaftaran hendaklah mendapat kelulusan Ketua Pendaftar.<br><br>rr) Perakuan Pendaftaran tidak boleh dipindah milik. | Pendaftaran RM 50.<br><br>• Perakuan Pendaftaran sah untuk tempoh 5 tahun.<br><br>• Pusat tuisyen hanya dibenarkan menjalankan aktiviti bimbingan untuk mata pelajaran peperiksaan sahaja. | Memperhabarui Sijil Pendaftaran Sekolah / Institusi (26.4.1995). |
| 3. | Nama Institusi | Nama institusi yang dicadangkan sesuai serta mengutamakan Bahasa Melayu, mempunyai unsur-unsur pendidikan dan bercirikan Malaysia. | a) Nama institusi hendaklah dalam bahasa Melayu, bermula dengan "Pusat Tuisyen" dan diikuti dengan nama yang dicadangkan.<br><br>b) Nama orang kenamaan tempatan yang telah meninggal dunia boleh digunakan dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada warisnya. Lain-lain nama yang tidak boleh digunakan termasuklah yang berikut:<br>• nama orang kenamaan yang masih hidup,<br>• nama tempat,<br>• nama jalan,<br>• nama singkatan,<br>• nama yang tidak mempunyai makna.<br>• Nama institusi-institusi pendidikan yang terkenal sama ada di dalam atau luar negeri.<br>• Nama yang menggunakan "yayasan / politeknik". | Seksyen 84(c), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran 13/1995: Penamaan Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (26.04.1995).<br><br>Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta, Tahun 1994. |
| 4. | Bahasa Pengantar | Bahasa Kebangsaan iaitu bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua pusat tuisyen. | Bahasa-bahasa lain selain daripada bahasa kebangsaan adalah tidak dibenarkan menjadi bahasa pengantar. | Subseksyen 17(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 5. | Kurikulum | Kurikulum yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar hendaklah diguna oleh pusat tuisyen seperti yang diluluskan pendaftarannya. | Mata pelajaran yang dibenarkan adalah mata pelajaran di bawah KBSR, KBSM, STPM dan mana-mana program peperiksaan yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar. | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum kebangsaan) 1997 - P.U.(A) 531/97. |
| 6. | Penilaian | m) Pusat perkembangan minda perlu mengadakan penilaian pencapaian murid secara berterusan.<br><br>n) Pusat perkembangan minda tidak boleh menjadi sebarang pusat peperiksaan. | Keputusan penilaian hendaklah direkodkan. | Seksyen 69, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| 7. | Peruntukan masa operasi | Setiap pusat tuisyen dibenarkan mengendalikan tiga sesi operasi, iaitu sesi pagi, petang dan malam. | Masa yang diperuntukkan bagi setiap sesi adalah tidak melebihi yang berikut:<br>• sesi pagi<br>9.00 pagi - 11.00 pg<br>• sesi petang<br>3.00 ptg - 6.00 ptg,<br>• sesi malam<br>7.00 mlm-10.00mlm | |
| 8. | Pengurusan | | | |
| | (sss) Pengurusa n Murid | Pusat tuisyen disarankan mempunyai 'student hand book'. | Sebagai bahan rujukan untuk ibu, bapa dan murid tentang peraturan-peraturan pusat tuisyen. | |
| | (ttt) Surat Cara Pengelolaan | Tiap-tiap institusi hendaklah mempunyai surat cara pengelolaan yang dipersetujui oleh Ketua Pendaftar. | Ahli Lembaga Pengelola hendaklah dianggotai olehsekurang-kurangnya tiga (3) orang termasuk pengerusi bagi pengurusan institusi pendidikan sebelum dibenarkan berdaftar dan beroperasi. | Seksyen 53 dan 89, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| | (uuu) Rekod Pendaftaran Murid | Setiap pusat tuisyen perlu mempunyai rekod pendaftaran murid. | ▪ Buku pendaftaran murid perlu dikemas kini supaya boleh dibuat semakan & cabutan | Seksyen 98, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | | ▪ Pusat tuisyen perlu mempunyai rekod kehadiran murid | |
| | (vvv) Aktiviti Luar Murid | Pusat tuisyen tidak dibenarkan menjalankan sebarang aktiviti luar bilik darjah. | Aktiviti pendidikan di pusat tuisyen hanya terhad di dalam lingkungan bilik darjah di premis yang didaftarkan sahaja untuk memperkukuhkan proses pembelajaran murid. | |
| | (www) Keselamatan, Kesihatan dan Kebersihan | Setiap pusat tuisyen mesti mengutamakan keselamatan, kesihatan dan kebersihan murid. | Setiap pusat tuisyen hendaklah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh 3 agensi:<br>• Pihak Berkuasa Tempatan<br>• Bomba dan Penyelamat<br>• Pejabat Kesihatan | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) Piawaian) 1998 - P.U.(A) 219/98. |
| 9. | Kerjasama pihak pengurusan syarikat dengan pihak pengurusan institusi. | Pihak pengurusan syarikat mesti bekerjasama dengan pengurusan institusi. | Pengurusan kewangan untuk tujuan belanja mengurus seperti;<br>▪ Gaji guru / kakitangan<br>▪ Peralatan<br>▪ Bahan P&P | |
| 10. | Lokasi | a) Lokasi institusi hendaklah sesuai dengan iklim pengajaran pembelajaran, keselamatan, kesihatan dan lain-lain<br><br>b) Pemindahan lokasi hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan yang bertulis daripada Kementerian Pelajaran. | Lokasi yang sesuai adalah seperti berikut:<br>• Tiada gangguan atau ancaman bahan kimia atau kotoran sampah.<br>• Tidak berdekatan dengan pusat hiburan, perjudian, rekreasi atau pasar.<br>• Tidak berdekatan dengan tempat yang mudah terbakar, bengkel yang bising, sungai atau bangunan lama.<br>• Tidak terlalu dekat dengan institusi lain yang mengendalikan kursus yang serupa. | Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta, Tahun 1994. |
| 11. | Premis | a) Premis yang digunakan bagi | • Pusat tuisyen mesti | Subseksyen 83(1), Akta Pendidikan 1996 |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | pusat tuisyen hendaklah sesuai dan selamat serta boleh didaftarkan sebagai sebuah pusat tuisyen.<br><br>b) Sebarang penambahan/ perpindahan premis/penubuhan cawangan hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Kementerian Pelajaran. | beroperasi di bangunan rumah kedai atau bangunan untuk tujuan komersial. Premis yang selain daripada itu tidak dibenarkan, melainkan premis yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.<br><br>• Piawaian yang telah ditetapkan bagi premis adalah:<br>▪ Penyenggaraan<br>▪ Pencahayaan, pengudaraan dan ruang premis<br>▪ Bilik darjah<br>▪ Kemudahan asas<br>▪ premis<br>▪ Pengubahsuaian premis<br>▪ Keselamatan dan kesihatan<br>▪ Kegunaan premis<br>▪ Pengubahsuaian premis | (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) Piawaian) 1998, P.U.(A) 219/98. |
| 12. | Yuran Pengajian dan Bayaran Lain | a) Jenis dan kadar yuran hendaklah berpatutan dan diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>b) Sebarang kenaikan yuran perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar terlebih dahulu. | • Kenaikan yuran pengajian boleh dipertimbangkan selepas 3 tahun.<br><br>• Kadar kenaikan yuran pengajian tidak lebih dari 30%.<br><br>• Notis 3 bulan hendaklah dimaklumkan kepada ibu bapa setelah mendapat kelulusan kenaikan yuran tersebut daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Pelaksanaan yuran baru adalah dibenarkan pada tahun berikutnya.<br><br>• Senarai yuran dan bayaran lain yang diluluskan hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di tadika itu dan hendaklah juga dimasukkan di dalam prospektus institusi. | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 – P.U.(A) 534/97. |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| 13. | Hak milik | a) Institusi hendaklah dimiliki oleh warganegara Malaysia sahaja.<br><br>b) Pusat tuisyen boleh dimiliki oleh individu atau kumpulan orang atau syarikat berdaftar.<br><br>c) Pemilikan perniagaan hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sama ada di bawah Pendaftaran Perniagaan (ROB) atau Pendaftaran Syarikat (ROC).<br><br>d) Bagi syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Malaysia, ia dikehendaki mendaftar sebuah anak syarikat sebagai sebuah Syarikat Sendirian Berhad. Syarikat yang disenaraikan itu dibenarkan memiliki saham sehingga 70% ekuiti dalam anak syarikat itu, dan mengekalkan pemilikan ekuiti bumiputera 30%. | • Warganegara asing tidak dibenarkan bagi mengusahakan pusat tuisyen.<br><br>• Jika institusi itu ditubuhkan di bawah nama syarikat (ROC), ia hendaklah mempunyai had ekuiti minimum Bumiputera sebanyak 30%.<br><br>• Sebarang pindaan struktur ekuiti/ perubahan pemegang saham/ pindah hak milik mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Aktiviti-aktiviti syarikat berkaitan pendidikan mesti jelas dinyatakan di dalam *Memorandum and Article*s (M&A).<br><br>• Bagi persatuan / pertubuhan yang hendak menjalankan aktiviti pendidikan, maka perlembagaan persatuan / pertubuhan berkenaan hendaklah menyatakannya dengan jelas seperti yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS). | |
| 14. | Modal | a) Modal yang dibenarkan dan modal berbayar syarikat yang dimiliki sesebuah institusi hendaklah menggambarkan keupayaan yang mencukupi bagi menubuhkan sesebuah institusi.<br><br>b) Maklumat berkaitan | ▪ Modal berbayar yang dimiliki sesebuah syarikat yang memiliki institusi hendaklah sekurang-kurangnya RM 10,000.00.<br><br>▪ Modal dalam bentuk saham tidak boleh diterima sebagai bukti keupayaan kewangan. | Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta, 1994. |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | pemegang saham syarikat hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen yang berkaitan. | | |
| 15. | Lembaga Pengelola | a) Ahli Lembaga Pengelola mesti warganegara Malaysia.<br><br>b) Ahli Lembaga Pengelola mestilah bebas daripada tindakan mahkamah.<br><br>c) Ahli-ahli Lembaga Pengelola hendaklah berdaftar dengan Ketua Pendaftar dan membayar fee yang dikenakan.<br><br>d) Bilangan minimum Ahli Lembaga Pengelola Sekolah adalah tiga (3) orang. | • Pengurusan institusi mestilah berdasarkan suratcara pengelolaannya.<br><br>• Sebarang perubahan pada Ahli Lembaga Pengelola mesti mendapat kebenaran daripada Ketua Pendaftar.<br><br>▪ Fee:<br>Permohonan: RM 5<br>Permit Pengelola: RM 2 (sah laku permit selama setahun). | Subseksyen 53(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Subseksyen 88(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| 16. | Guru Besar | a) Guru Besar pusat tuisyen mesti warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan dan pengalaman bersesuaian dalam bidang pendidikan.<br><br>b) Guru Besar yang dilantik hendaklah diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>c) Guru Besar mesti mempunyai Perakuan Pendaftaran atau Permit Mengajar. | ▪ Kelayakan minimum Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau lain-lain kelayakan yang setaraf dengannya.<br><br>▪ Sebarang pertukaran pengetua mesti mendapat kebenaran daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Semua Guru Besar yang dilantik hendaklah bebas dari sebarang tindakan mahkamah dan lulus tapisan keselamatan Polis Diraja Malaysia.<br><br>• Guru Besar yang dilantik hendaklah berusia tidak melebihi 66 tahun. | Seksyen 103 dan seksyen 114, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 17. | Guru | a) Guru-guru mestilah warganegara Malaysia yang berdaftar & berkelayakan sekurang-kurangnya di peringkat SPM atau yang setaraf dengannya.<br><br>b) Guru hendaklah berdaftar dan membayar fee pendaftaran yang dikenakan.<br><br>c) Permit Mengajar hanya sah untuk institusi yang dipohon sahaja.<br><br>d) Guru mesti mendapat perakuan kesihatan daripada doktor perubatan yang bertauliah.<br><br>e) Guru mesti lulus tapisan keselamatan Polis.<br><br>f) Guru terlatih yang telah sah dalam jawatan, yang mengajar di pusat tuisyen mesti mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan. | • Ketua Pendaftar berkuasa untuk mengenakan apa-apa terma dan syarat pendaftaran guru.<br><br>• Fee:<br>Permohonan: RM 5<br>Permit Mengajar: RM 2<br>(sah laku permit selama setahun).<br><br>• Kelulusan Permit Mengajar oleh Ketua Pendaftar tertakluk kepada tahap kesihatan dan perkara-perkara lain yang difikirkan sesuai.<br><br>• Perakuan kesihatan adalah untuk memastikan guru sihat dari segi mental dan fizikal.<br><br>• Tapisan keselamatan polis adalah untuk memastikan guru bebas daripada rekod jenayah.<br><br>• Guru-guru sekolah kerajaan hanya dibenarkan mengajar tidak melebihi 4 jam seminggu | Seksyen 103, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Subseksyen 109(2), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 114, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)1993.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 4/1995: Permohonan Perakuan Pendaftaran Guru (PPG) – 26.4.1995.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 5/1995: Permohonan Permit Mengajar Bagi Guru-Guru Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (IPS) – 26.4.1995. |
| 18. | Kemudahan Peralatan (termasuk bilik darjah dan bilik khas) | a) Kemudahan dan peralatan yang disediakan hendaklah bersesuaian sebagai pusat tuisyen.<br><br>b) Kemudahan tandas yang berasingan untuk kegunaan murid mestilah disediakan. | Pendaftar boleh enggan mendaftarkan institusi jika tidak mempunyai kemudahan dan peralatan yang mencukupi. | Seksyen 84, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) Piawaian) 1998, P.U.(A) 219/98. |

| Bil. | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 19. | Pengambilan Murid dan Syarat Kelayakan Masuk | Pelajar-pelajar yang didaftarkan hendaklah murid-murid yang tidak kurang daripada umur 6 tahun. | Tidak dikenakan sebarang syarat minimum kelayakan masuk. | |
| 20. | Pengiklanan | Tiada seorang pun boleh mempromosi sesuatu institusi pendidikan sama ada melalui iklan, prospektus, risalah atau selainnya kecuali telah didaftarkan atau Perakuan Pendaftaran Sementara telah dikeluarkan. | Pengiklanan yang dikeluarkan mestilah mengikut garis panduan pengiklanan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. | Seksyen 86, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Iklan) 1998, P.U.(A) 229/98. |

## PUSAT PERKEMBANGAN MINDA

### TAFSIRAN PUSAT PERKEMBANGAN PERKEMBANGAN MINDA:

Sesuatu institusi pendidikan yang menjalankan program pendidikan untuk perkembangan minda individu dengan menggunakan metodologi tertentu.

| Bil | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Penubuhan Pusat Perkembangan minda | q) Penubuhan pusat perkembangan minda hendaklah selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan dasar persyarikatan Malaysia.<br><br>r) Penubuhan pusat perkembangan minda digalakkan selaras dengan hasrat untuk mewujudkan rakyat Malaysia yang berfikiran kritis, kreatif dan inovatif. | Setiap permohonan untuk menubuhkan pusat perkembangan minda disertakan dengan satu kertas kerja yang lengkap berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. | Seksyen 73, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 9/1995: Pengurusan Penubuhan Institusi Pendidikan Swasta (IPS) – 26.4.1995. |
| 2. | Pendaftaran Pusat Perkembangan Minda | ss) Pendaftaran pusat perkembangan minda hendaklah selaras dengan Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.<br><br>tt) Perakuan Pendaftaran hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis institusi itu.<br><br>uu) Sebarang pindaan kepada syarat-syarat berkaitan pendaftaran hendaklah mendapat | • Setiap permohonan pendaftaran pusat perkembangan minda hendaklah dibuat dalam Borang A Jadual Pertama disertai fee yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Pendidikan.<br><br>• Fee permohonan pendaftaran RM 150.<br><br>• Fee permohonan membaharui Perakuan Pendaftaran RM 50.<br><br>• Perakuan Pendaftaran sah untuk tempoh 5 tahun.<br><br>• Permohonan memperbaharui Perakuan Pendaftaran hendaklah dibuat 30 hari | Subseksyen 79(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Subseksyen 82(2), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 - P.U.(A) 534/97.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 10/1995: Memperhabarui Sijil Pendaftaran Sekolah / Institusi (26.4.1995). |

| Bil | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | kelulusan Ketua Pendaftar.<br><br>vv) Perakuan Pendaftaran tidak boleh dipindah milik. | sebelum tamat tempoh sah lakunya. | |
| 3. | Nama Institusi | Nama institusi yang dicadangkan sesuai serta mengutamakan Bahasa Melayu, mempunyai unsur-unsur pendidikan dan bercirikan Malaysia. | a) Nama institusi hendaklah dalam bahasa Melayu, bermula dengan "Pusat Perkembangan" dan diikuti dengan nama yang dicadangkan.<br><br>b) Nama orang kenamaan tempatan yang telah meninggal dunia boleh digunakan dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada warisnya. Lain-lain nama yang tidak boleh digunakan termasuklah yang berikut:<br>• nama orang kenamaan yang masih hidup,<br>• nama tempat,<br>• nama jalan,<br>• nama singkatan,<br>• nama yang tidak mempunyai makna.<br>• Nama institusi-institusi pendidikan yang terkenal sama ada di dalam atau luar negeri.<br>• Nama yang menggunakan "yayasan / politeknik". | Seksyen 84(c), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran 13/1995: Penamaan Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (26.04.1995).<br><br>Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta, Tahun 1994. |
| 4. | Bahasa Pengantar | Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua pusat perkembangan minda. | Pengecualian daripada Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar hendaklah mendapat kelulusan Menteri. | Subseksyen 17(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| 5. | Kurikulum | Kurikulum yang diguna hendaklah kurikulum yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar. | Mata pelajaran dan kit pembelajaran hendaklah disediakan seperti pada kurikulum yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar. | Seksyen 77, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |
| 6. | Peruntukan masa operasi | Setiap pusat perkembangan minda dibenarkan mengendalikan tiga sesi operasi, iaitu sesi pagi, petang dan malam. | Setiap pusat perkembangan minda hendaklah menggunakan jumlah masa pengajaran seperti yang didaftarkan. | |
| 7. | Penilaian | o) Pusat perkembangan minda perlu mengadakan penilaian pencapaian murid secara berterusan.<br><br>p) Pusat perkembangan minda tidak boleh menjadi sebarang pusat peperiksaan. | Keputusan penilaian hendaklah direkodkan. | Seksyen 69, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| 8. | Pengurusan | | | |
| | (xxx) Sesi Belajar | Sesi belajar setiap pusat perkembangan minda hendaklah seperti yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar. | Sebagai bahan rujukan untuk ibu/bapa & murid tentang peraturan-peraturan institusi pendidikan. | |
| | (yyy) Surat Cara Pengelolaan | Tiap-tiap institusi hendaklah mempunyai surat cara pengelolaan yang dipersetujui oleh Ketua Pendaftar. | Ahli Lembaga Pengelola hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya lima (5) orang termasuk pengerusi bagi pengurusan institusi pendidikan sebelum dibenarkan berdaftar dan beroperasi. | Seksyen 53, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| | (zzz) Rekod Pendaftaran Murid | Setiap pusat perkembangan minda perlu mempunyai rekod pendaftaran murid. | ▪ Buku pendaftaran murid perlu dikemas kini supaya boleh dibuat semakan & cabutan.<br><br>▪ Pusat Perkembangan minda perlu mempunyai rekod kehadiran murid. | Seksyen 98, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| | (e) Aktiviti Luar Murid | Setiap pusat perkembangan minda adalah bertanggungjawab terhadap keselamatan | Program di luar pusat perkembangan minda seperti lawatan sambil belajar mesti dimaklumkan kepada | |

| Bil | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | (aaaa) Keselamatan, kesihatan dan kebersihan | murid untuk program luar pusat perkembangan minda dan perlu mematuhi peraturan-peraturan sedia ada.<br><br>Setiap pusat perkembangan minda mesti mengutamakan keselamatan, kesihatan dan kebersihan murid. | Pendaftar Sekolah dan guru di JPN masing-masing, serta mematuhi aspek keselamatan termasuk perlindungan insurans.<br><br>Setiap pusat perkembangan minda hendaklah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh 3 agensi:<br>• Pihak Berkuasa Tempatan<br>• Bomba dan Penyelamat<br>• Pejabat Kesihatan | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) (Piawaian) 1998 - P.U.(A) 219/98.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran 1/1998: Penjagaan Kebersihan dan Kesihatan Sekolah Swasta dan Tadika Swasta (3.4.1998). |
| 9. | Kerjasama pihak pengurusan syarikat dengan pihak pengurusan institusi. | Pihak pengurusan syarikat mesti bekerjasama dengan pengurusan institusi. | Pengurusan kewangan untuk tujuan belanja mengurus seperti;<br>▪ Gaji guru / kakitangan<br>▪ Peralatan<br>▪ Bahan P&P | |
| 10. | Lokasi | a) Lokasi institusi hendaklah sesuai dengan iklim pengajaran pembelajaran, keselamatan, kesihatan dan lain-lain<br><br>b) Pemindahan lokasi hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan yang bertulis daripada Ketua Pendaftar. | Lokasi yang sesuai adalah seperti berikut:<br>• Tiada gangguan atau ancaman bahan kimia atau kotoran sampah.<br>• Tidak berdekatan dengan pusat hiburan, perjudian, rekreasi atau pasar.<br>• Tidak berdekatan dengan tempat yang mudah terbakar, bengkel yang bising, sungai atau bangunan lama.<br>• Tidak terlalu dekat dengan institusi lain yang mengendalikan kursus yang serupa. | Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta, Tahun 1994. |
| 11. | Premis | ▪ Premis yang digunakan bagi pusat Perkembangan | • Pusat perkembangan minda mesti beroperasi di bangunan rumah | Subseksyen 83(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | minda hendaklah sesuai dan selamat serta boleh didaftarkan sebagai sebuah pusat perkembangan minda.<br><br>▪ Sebarang penambahan/ perpindahan premis/penubuhan cawangan hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar. | kedai atau bangunan untuk tujuan komersial. Premis yang selain daripada itu tidak dibenarkan, melainkan premis yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.<br><br>• Piawaian yang telah ditetapkan bagi premis adalah:<br>▪ Penyenggaraan<br>▪ Pencahayaan, pengudaraan dan ruang premis<br>▪ Bilik darjah<br>▪ Kemudahan asas<br>▪ premis<br>▪ Pengubahsuaian premis<br>▪ Keselamatan dan kesihatan<br>▪ Kegunaan premis<br>▪ Pengubahsuaian premis | Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) Piawaian) 1998 - P.U.(A) 219/98. |
| 12. | Yuran Pengajian dan bayaran lain | q) Jenis dan kadar yuran hendaklah berpatutan dan diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>r) Sebarang kenaikan yuran perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar terlebih dahulu. | • Kenaikan yuran pengajian boleh dipertimbangkan selepas 3 tahun.<br><br>• Notis 3 bulan hendaklah dimaklumkan kepada ibu bapa.<br><br>• Kadar kenaikan yuran pengajian tidak lebih dari 30%.<br><br>• Yuran baru boleh dikuatkuasakan pada tahun berikutnya. | Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 - P.U.(A) 534/97. |
| 13. | Hak milik | gg) Pemilikan perniagaan pendidikan hendaklah dimiliki oleh syarikat yang pemiliknya warganegara Malaysia atau syarikat usaha sama rakyat Malaysia dengan asing. | • Pemilikan institusi pendidikan sama ada dimiliki oleh warganegara Malaysia atau dimiliki secara usaha sama warganegara Malaysia dan asing.<br><br>• Jika institusi itu ditubuhkan di bawah nama syarikat (ROC), ia hendaklah mempunyai | |

| Bil | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | hh) Syarikat hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Pendaftaran Syarikat (ROC).<br><br>ii) Bagi syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Malaysia, ia dikehendaki mendaftar sebuah anak syarikat sebagai sebuah Syarikat Sendirian Berhad. Syarikat yang disenaraikan itu dibenarkan memiliki saham sehingga 70% ekuiti dalam anak syarikat itu, dan mengekalkan pemilikan ekuiti bumiputera 30%. | ekuiti minimum Bumiputera sekurang-kurangnya 30%.<br><br>• Sebarang pindaan struktur ekuiti/ perubahan pemegang saham/ pindah hak milik mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Aktiviti-aktiviti syarikat berkaitan pendidikan mesti jelas dinyatakan di dalam *Memorandum and Article*s (M&A). | |
| 14. | Modal | i) Modal yang dibenarkan dan modal berbayar syarikat yang dimiliki sesebuah institusi hendaklah menggambarkan keupayaan yang mencukupi bagi menubuhkan sesebuah institusi.<br><br>j) Maklumat berkaitan pemegang saham syarikat hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen yang berkaitan. | a. Modal berbayar yang dimiliki sebuah institusi hendaklah sekurang-kurangnya RM 50,000.00.<br><br>b. Modal dalam bentuk saham tidak boleh diterima sebagai bukti keupayaan kewangan. | Buku Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Institusi Pendidikan Swasta, 1994. |
| 15. | Lembaga Pengelola | ii) Ahli Lembaga Pengelola mesti warganegara Malaysia.<br><br>jj) Ahli Lembaga Pengelola mestilah bebas daripada tindakan mahkamah. | • Pengurusan institusi mestilah berdasarkan suratcara pengelolaannya.<br><br>• Sebarang perubahan pada Ahli Lembaga Pengelola mesti mendapat kebenaran daripada Ketua | Subseksyen 53(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Subseksyen 88(1), Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |

| Bil | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | kk) Ahli-ahli Lembaga Pengelola hendaklah berdaftar dengan Ketua Pendaftar dan membayar fee yang dikenakan.<br><br>ll) Bilangan minimum Ahli Lembaga Pengelola Sekolah adalah lima (5) orang. | Pendaftar.<br><br>• Fee:<br>Permohonan: RM 5<br>Permit Pengelola: RM 2 (sah laku permit selama setahun). | |
| 16. | Guru Besar | v) Guru Besar mesti warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan dan pengalaman bersesuaian dalam bidang pendidikan.<br><br>w) Guru Besar yang dilantik hendaklah diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>x) Guru Besar mesti mempunyai Perakuan Pendaftaran atau Permit Mengajar. | • Kelayakan minimum Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau lain-lain kelayakan yang setaraf dengannya.<br><br>• Sebarang pertukaran Guru Besar mesti mendapat kebenaran daripada Ketua Pendaftar.<br><br>• Semua Guru Besar yang dilantik hendaklah bebas dari sebarang tindakan mahkamah dan lulus tapisan keselamatan Polis Diraja Malaysia.<br><br>• Guru Besar yang dilantik hendaklah berusia tidak melebihi 66 tahun. | Seksyen 103, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 114, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). |
| 17. | Guru | xx) Guru-guru mestilah warganegara Malaysia yang berdaftar & berkelayakan sekurang-kurangnya di peringkat SPM atau yang setaraf dengannya.<br><br>yy) Guru hendaklah berdaftar dan membayar fee pendaftaran yang dikenakan.<br><br>zz) Permit Mengajar | • Guru-guru berdaftar dibenarkan berkhidmat pada umur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun. Selepas usia 60 tahun boleh dilantik secara kontrak tahunan jika perlu.<br><br>• Fee:<br>Permohonan: RM 5<br>Permit Mengajar: RM 2 (sah laku permit selama setahun).<br><br>• Kelulusan Permit | Seksyen 103, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Seksyen 114 Akta, Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)1993.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 4/1995: Permohonan Perakuan |

| Bil | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | hanya sah untuk institusi yang dipohon sahaja.<br><br>aaa) Guru mesti mendapat perakuan kesihatan daripada doktor perubatan yang bertauliah.<br><br>bbb) Guru mesti lulus tapisan keselamatan Polis.<br><br>ccc) Guru terlatih yang telah sah dalam jawatan, yang mengajar di pusat perkembangan minda mesti mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan. | Mengajar oleh Ketua Pendaftar tertakluk kepada tahap kesihatan dan perkara-perkara lain yang difikirkan sesuai.<br><br>• Perakuan kesihatan adalah untuk memastikan guru sihat dari segi mental dan fizikal.<br><br>• Tapisan keselamatan polis adalah untuk memastikan guru bebas daripada rekod jenayah.<br><br>• Guru-guru sekolah kerajaan hanya dibenarkan mengajar tidak melebihi 4 jam seminggu. | Pendaftaran Guru (PPG) – 26.4.1995.<br><br>Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 5/1995: Permohonan Permit Mengajar Bagi Guru-Guru Sekolah / Institusi Pendidikan Swasta (IPS) – 26.4.1995. |
| 18. | Kemudahan Peralatan (termasuk bilik darjah dan bilik khas) | ff) Kemudahan dan peralatan yang disediakan hendaklah bersesuaian sebagai pusat Perkembangan minda seperti yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar.<br><br>gg) Semua bilik khas mesti bersesuaian dengan kurikulum / kursus pendidikan yang dianjurkan. | • Institusi ini mesti mempunyai kemudahan pembelajaran yang sesuai dengan kursus yang diluluskan.<br><br>• Bahan-bahan pembelajaran mestilah selamat digunakan. | Seksyen 84, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) Piawaian) 1998, P.U.(A) 219/98. |
| 19. | Pengambilan pelajar dan syarat kelayakan masuk | Pelajar-pelajar yang didaftarkan hendaklah murid-murid yang tidak kurang daripada umur 4 tahun. | Tidak dikenakan sebarang syarat minimum kelayakan masuk. | |
| 21. | Pengiklanan | Tiada seorang pun boleh mempromosi sesuatu institusi pendidikan sama ada melalui iklan, prospektus, risalah atau selainnya kecuali | Pengiklanan yang dikeluarkan mestilah mengikut garis panduan pengiklanan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. | Seksyen 86, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).<br><br>Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institusi Pendidikan Swasta) |

| Bil | Perkara | Pernyataan Dasar | Penjelasan | Sumber Kuasa |
|---|---|---|---|---|
| | | telah didaftarkan atau Perakuan Pendaftaran Sementara telah dikeluarkan. | | (Iklan) 1998 - P.U.(A) 229/98. |